# AKTIVITI ASK
# JULAI - DISEMBER 2000

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

# ASK anjur kursus Mak Yong

HARIAN METRO
25/7/2000

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan kursus Teater Tradisional Mak Yong bimbingan Seniwati Negara, Puan Khatijah Awang bermula 2 Ogos ini. dari jam 5 hingga 7 petang.

Kenyataan ASK di sini semalam memberitahu kursus berkenaan dibuka kepada semua yang berminat dan untuk menyertainya mereka hanya perlu menghubungi Rosminah Mohd Tahir atau Raja Nor Sheela Raja Aziddin dengan menelefon 03-21649180 (sambungan 236 atau 243) atau hubungi menerusi faksimili melalui 03-21649186.

Mak Yong yang berasal dari perkataan Mak Hiang yang membawa gelaran Dewi yang memuja semangat padi. Ia adalah persembahan dramatari tradisional Melayu Kelantan yang menggabungkan elemen seni tari, suara, lakon, lawak jenaka dan muzik.

Mengikut catatan awal, Peter Florist, seorang pedagang Eropah pernah menyaksikan kesenian ini di istana Raja Perempuan Pattani pada tahun 1613.

Di Kelantan, kesenian ini ada di istana ketika pemerintahan Sultan Mahmud IV (1900-1920) dan Sultan Ismail. Kemudian teater tradisional ini dihidupkan kembali oleh Tengku Zainal Ghaffar yang dikenali sebagai Tengku Temenggung.

Pada 1969, beberapa tokoh budaya dan pembesar di Kelantan berusaha untuk mengekalkan warisan ini dan usaha itu berjaya apabila Mak Yong masih bernafas sehingga ke hari ini.

UTUSAN MALAYSIA 1/8/2000

## Sidang akhbar teater moden

SATU sidang akhbar mengenai teater moden anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) akan diadakan di ASK Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada pukul 2 petang ini.




## Guys N' Girls di Hotel Renaissance

KUMPULAN Guys N' Girls akan mengadakan persembahan di Stage Lounge, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada pukul 8 malam ini.

## Martinie di Taiping

PENYANYI yang sedang hangat dengan lagu *Menyintaimu Selamanya*, Martinie akan mengadakan persembahan di Lake Town Bukit Merah, Taiping, Perak, Sabtu ini. Shawn Baharin dan Nur Fatimah akan muncul sebagai artis undangan.

## Nordiana di *Bengkel Sihat Saji*

PENYANYI remaja Siti Nordiana akan menghiburkan peserta *Bengkel Sihat Saji* anjuran majalah *Saji* di Hotel Concorde, Kuala Lumpur pada pukul 4 petang Ahad ini.

## Persembahan New Faces

KUMPUAN New Faces akan mengadakan persembahan di Kelab Blue Moon, Hotel Equatorial pada pukul 6 petang ini. Pada pukul 8.15 malam pula, mereka akan menyanyi di Restoran Chalet hotel yang sama.

## Kursus Makyung di ASK

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menganjurkan kursus teater tradisional Makyung oleh Khatijah Awang di akademi itu pada pukul 5 petang esok. Untuk keterangan lanjut boleh hubungi talian 03-21649180 sambungan 236 atau 243.

UTUSAN MALAYSIA 1/8/2000

SITI NORDIANA

# DIARI

5 OGOS 2000

BERITA HARIAN

**PEJABAT** Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menganjurkan pertandingan Bintang Asli Wilayah Persekutuan 2000 mulai 5 dan 6 Ogos di Auditorium Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Orang ramai dijemput menyaksikan persembahan itu pada 5 Ogos (jam 2.30 petang dan 8.30 malam) manakala pada 6 Ogos (jam 2.30 petang). Masuk percuma.

**PEKAN** Teater Zon Tengah sedang berlangsung di Majlis Perbandaran Petaling Jaya mulai 3 hingga 6 Ogos bermula jam 8.30 malam.

Badan Budaya Perak akan mementaskan Infla Kasta pada 3 Ogos, Ruang Teater Tamu (Tetamu) mementaskan Tanah Lot pada 4 Ogos, Kumpulan Giat Budaya dengan Antara pada 5 Ogos manakala Teater Rimba UKM mementaskan Patung-patung pada 6 Ogos. Masuk adalah percuma.

**ORANG** ramai yang berminat dengan makyung dipelawa mengikuti kursus makyung anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang diadakan setiap Rabu dan Khamis, mulai jam 5 hingga 7 petang.

Melalui program itu, orang awam yang berminat boleh menjadi pelajar separuh masa dan menghadiri kuliah dua kali seminggu serta mengikuti jadual latihan itensif ketika produksi diadakan.

Kursus makyung itu dibimbing Seniwati Negara Khatijah Awang. ASK bercadang mementaskan makyung bertajuk Dewa Muda tahun ini. Sebelum ini ASK mementaskan Anak Raja Gondang, Anak Raja Gondang 2 dan Raja Tangkai Hati.

**SAYEMBARA** Baca Puisi Hari Kebangsaan 2000 (SPHK 2000) anjuran Persebudaya (Persatuan Senibudaya SMK Temenggong Kati) akan berlangsung pada 20 Ogos ini di Dewan Besar sekolah terbabit.

Pengerusi SPHK 2000, Suhaimi Ahmad berkata, sayembara berkenaan terbuka kepada orang ramai dan mereka boleh mengemukakan penyertaan kepada penganjur di alamat SMK Temenggong Kati, Kuala Kangsar, 3320, Perak.

"Persebudaya menyediakan hadiah menarik bagi SHPK 2000 termasuk buku, wang tunai dan hamper kepada yang berjaya dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi talian 05-7520214 selepas jam 4 petang," katanya.

# ASK pentaskan karya Syed Alwi

BERITA HARIAN 16/8/2000

BAGI meneruskan kecemerlangan dalam teater moden dan tradisional, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) terus memilih tokoh berwibawa untuk membimbang pelajarnya. Terbaru mereka melantik tokoh teater, Datuk Syed Alwi Syed Hassan sebagai Adiguru untuk produksi teater moden dan akan mementaskan tiga teaternya tahun ini dan tahun depan.

*I Remember The Rest House* dan *Members of The Club* akan dipentaskan Oktober dan November ini dan ASK akan berusaha mementaskan karya terbaru Syed Alwi *The Governer's Mansion* di Istana Budaya, tahun depan.

Pengarah ASK, Dr Hatta Azad Khan berkata, Syed Alwi dipilih kerana tokoh ini memberi sumbangan besar dalam dunia teater tanah air dan ilmunya wajar dicurahkan kepada pelajar ASK.

ASK melihat cara mendapatkan ilmu tidak saja melalui bilik darjah, tetapi dari tokoh dan Syed Alwi yang mampu menyumbang untuk kecemerlangan dunia teater di ASK dan Malaysia amnya.

Sebelum Syed Alwi yang dilantik sebagai adiguru untuk teater moden, tokoh lain seperti Hamzah Awang Amat (wayang kulit), Khatijah Awang (makyung) dan Rahman B (bangsawan).

Bercakap pada sidang media di Matic baru-baru ini, Dr Hatta berkata, pelajar ASK akan menjadi pelakon untuk dua teater yang dipentaskan tahun ini. Jika selama ini pelajar ASK hanya mementaskan teater Melayu, kali ini mereka akan mementaskan teater Inggeris.



**SYED ALWI** dikatakan memberi sumbangan besar kepada dunia teater tanah air.

"Untuk teater ketiga, apabila Istana Budaya mempunyai pakar dalam bidang tertentu, saya akan berusaha bersama dengan pendaftar ASK, Mod Zaky Din untuk membawanya ke Istana Budaya. Pelajar ASK dan pelakon luar dapat dibabitkan dalam teater itu," katanya.

Syed Alwi pula berkata, beliau berbangga kerana diberi peluang oleh ASK membantu pementasan semula teaternya dan berasakan usaha ASK mendapatkan ilmu daripada tokoh tertentu amat penting.

Secara jujur, beliau berkata, hanya beliau dengan Datuk Noordin Hassan, penggiat yang terus terbabit dengan teater (dari segi skrip dan pementasan) sejak 50-an hingga kini dan jika tiada usaha mendapatkan ilmu, ia suatu yang merugikan.

Kali ini beliau memilih karya sendiri kerana sebarang penambahan atau pengurangan dapat dilakukan dengan senang berbanding menggunakan karya orang lain yang memerlukan keizinan penulis berkenaan.

Walaupun menyedari hambatan komunikasi yang dihadapi pelajar ASK, beliau yakin dengan sokongan beberapa penggiat teater seperti Zaibo, pelajar tidak menghadapi masalah besar mementaskan dua karya itu tahun ini.

*I Remember The Rest House* akan dipentaskan mulai 18 hingga 20 Oktober manakala *Members of The Club* pada 11 hingga 14 November. Ia akan dipentaskan di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara.

Mengenai teater di Malaysia, Syed Alwi berkata, walaupun kita mempunyai panggung canggih di Istana Budaya tetapi teater di Malaysia tidak bermutu.

Anehnya walaupun tidak bermutu tetapi kosnya meningkat beratus kali ganda. Sebagai contoh, 20 tahun lalu, kos sebuah pementasan sekitar RM2,000 tetapi kini paling kurang RM200,000.

Sepatutnya kenaikan kos diikuti dengan peningkatan persembahan tetapi itu tidak menjadi dan ini yang merisaukan.

Syed Alwi berkata, dalam berkarya, beliau tetap menerapkan unsur Melayu tetapi tidak suka menonjol secara slogan melainkan dapat dirasakan melalui karya yang dipaparkan.

Ketua Jabatan Teater ASK, Rosminah Tahir pula berkata, selain Syed Alwi, Marlia Musa dan Ahmad Yatim akan mengarahkan teater pada festival teater ASK, Oktober dan November ini.

Marlia akan mementaskan teater eksperimen *Cari-cari* mulai 3 hingga 5 November manakala Ahmad Yatim dengan teater klasik *Medea* karya Euripides pada 17 hingga 19 November.

# Surat terbuka kepada Rashid Fadzil

BERITA MINGGU 20/8/2000

"BAGI saya, Siti Zubaidah bukan saja gagal memberikan kepuasan kepada penonton secara keseluruhannya tetapi juga hanya layak ditonton oleh pelajar sekolah dan pelajar di Akademi Seni Kebangsaan (ASK)".

Demikian rumusan bekas aktivis teater merangkap Pengarah Teater Terbaik Kedah 1983, dalam ruangan Kita Orang akhbar **Bi-Pop** keluaran Ahad 23 Julai 2000. Pandangan sesempit itu di ruangan sekecil pemikiran Rashid Fadzil, tidaklah kecil maknanya kepada pelajar di Akademi Seni Kebangsaan yang berpegang kepada slogan Ke Arah Memartabatkan Seni Negara.

Dengan mengambil kira 17 tahun lalu beliau dianugerah Pengarah Teater Terbaik Kedah, cukup untuk mengandaikan beliau kini berada dalam usia matang dan terbaik untuk melontarkan sebuah pandangan yang juga mantap dan bernas.

Tetapi anehnya, kenyataan beliau ini bernada cemburu dan sakit hati. Mengapa demikian sekali beliau menghina kerabat akademi ini? Adakah ini satu gembar-gembur murahan sebagai satu percubaan memasyhurkan namanya? Apakah timbang tara dan budi bicara beliau dalam menilai kualiti pelajar ASK? Sejauh manakah beliau mengikuti perkembangan pelajar di ASK hingga beliau begitu yakin untuk meremeh-temehkan mentaliti dan wibawa pelajar ini?

Bijaksana tidak sama dengan berpelajaran tinggi. Saudara Rashid tentu sangat faham apa maksud ungkapan ini. Terbaik adalah nilai kualiti pelajar ASK. Terbaik itu pula adalah proses sepanjang zaman. Hari ini terbaik, hari esok ada lagi yang terbaik. Kata seniman M Nasir, bagaimana terbaik pun manusia, bukan tidak ada hari buruknya. Maka subteksnya di sini, terbaik 17 tahun lalu tidak akan terus terbaik sehingga ke hari ini. Anugerah terbaik pula bukan lesen untuk memburukkan imej orang lain.

Tulisan ini bukan reaksi melenting apatah lagi melatah, tetapi ini adalah reaksi semula jadi golongan yang bertanggungjawab membela institusinya yang dihina. Pelajar ASK tidaklah rendah martabatnya, cuma kami tidak diajar untuk meninggi-ninggikan standard diri masing-masing.

Pelajar ASK diasuh bukan menjadi tukang kutuk tidak bertauliah, tetapi kami belajar untuk menjadi serba boleh. Adakah Saudara Rashid maklum apa yang kami pelajari ini?

Kata guru kami, Pak Mana Sikana, kalau mahu mengkritik jadilah jambatan kukuh yang dapat menghubungkan karya dan khalayaknya. Kata Dr Krishen Jit pula, kalau mahu jadi orang teater yang bijak, haruslah kita menilai kebaikan dan keburukan kerana seperti manusia juga, tiada satu hasil di dunia ini yang baik dan buruknya tidak dapat dicari.

Pandangan sempit Saudara Rashid mengenai persembahan teater Siti Zubaidah adalah perkara biasa. Memang itu cara memberikan pandangan oleh golongan yang sudah berlalu zamannya. Tetapi komentar mendadak dan serta-merta yang dilontarkannya, hanya pelajar sekolah dan pelajar ASK yang layak menonton persembahan Siti Zubaidah (yang dinilainya buruk), ini sungguh melampau dan menjijikkan.

Pelajar ASK tidak diajar untuk menjadi artis. Kami tidak dijanjikan hidup penuh glamor walaupun kerja kami banyak kaitannya dengan insan masyhur dan popular. Tetapi ASK mempunyai ramai bakat yang segar dan sentiasa memberikan komitmen dan persembahan terbaik di luar sana.

Pelajar ASK tidak berjiwa 'bintang', tetapi semuanya berjiwa 'kuli' yang memahami susah senang kalau mahu hidup sebagai orang seni. Di ASK ada produksi wajib yang ditangani sendiri oleh semua pelajar tidak kira dari Program Teater, Penulisan, Tari atau Muzik.

Pelajaran pertama bagi pelajar di ASK adalah dicampak ke belakang pentas kalau mahu jadi 'bintang' supaya satu hari nanti apabila sudah jadi 'bintang', tidaklah kerjanya mengutuk manusia lain sepanjang hayat. Daripada jawatan kuli di belakang pentas inilah lahir satu demi satu performer terbaik kami yang tidak glamor, tetapi ada ilmu dan wawasan.

Berbalik kepada hukum alam tiada manusia yang sempurna, maka pelajar ASK lebih senang menjadi penggerak kepada sesebuah persembahan. – **Kerabat ASK, Kuala Lumpur.**

BERITA MINGGU

BERITA HARIAN

# Yayasan Kesenian Perak anjur seminar penulisan drama

BERITA HARIAN
23 OGOS 2000

AKADEMI Seni Kebangsaan dengan kerjasama Yayasan Kesenian Perak akan mengajurkan *Seminar Penulisan Drama* (SPD) mulai 16 hingga 18 September di Taman Budaya Negeri Perak.

Seminar kali kedua, selepas pertama kali diadakan di Port Dickson pada 1995 secara umumnya akan menumpukan perbicangan terhadap aspek penulisan, penelitian dan penerbitan drama yang terdiri daripada drama pentas, televisyen dan filem cereka.

Keterangan lanjut boleh diperolehi dari Setiausaha Seminar Penulisan Drama 11, Akademi Seni Kebangsaan, 139, Jalan Ampang, Kuala Lumpur atau nombor teleon 21649180 sambungan 244,245, 256 atau e-mel: zex22 hotmail.com atau di Yayasan Kesenian Perak, No 7, Jalan Brash, 30350, Ipoh, Perak.

Siri SPD adalah satu-satu seminar dalam bentuk sedemikian, pernah dianjurkan di negara ini oleh ASK, sesuai dengan tugasnya sebagai sebuah institusi yang menawarkan kursus dalam bidang berkaitan.

Jurucakap penganjur berkata, seminar selama tiga hari ini akan membincangkan kira-kira 18 kertas kerja yang ditulis dan dibentangkan oleh sarjana, penulis, pegarah, penerbit dan pemerhati bebas dalam bidang peulisan serta penerbitan drama. Dengan tema seminar "Penulisan Drama Pada Era Globalisasi", perbincangan lebih tertumpu kepada peranan dan cabaran yang dihadapi penulis, pengarah, penerbit dan semua yang terbabit dalam bidang seni drama pada era globalisasi ini.

Selain pembentangan kertas kerja, satu sesi tayangan/diskusi filem dan satu sesi forum turut diadakan.

Penganjur tidak berhasrat untuk mejadikan seminar ini terlalu akademik sifatnya dan kerana itu kebanyakan kertas kerja lebih menumpukan pembicaraan kepada aspek yang lebih praktis dan sesuai untuk semua khalayak, tidak kira apa latar belakang dan pendidikan serta kepakaran mereka.

Pembentangan kertas kerja seperti Dr Anuar Nor Arai (Imej Bangsa Melayu Dalam Filem, Televisyen dan Teater), U-wei Saari (Menulis Lakon Layar Untuk Festival), Mahadi J Murat (Penulisan Lakon Layar: Mengangkat Persoalan Merentas Sempadan) dan Raja Ahmad Alauddin Raja Mohd Redzuan (Melihat Semula Lakon Layar Filem Melayu Jalan Ampas).

Hassan Mutalib pula akan memperkatakan (Multimedia: Teknologi Filem pada Era Globalisasi), Abdullah Zainol (Menulis Skrip Untuk Penerbitan Medium Elektronik), Said Halim Said Nong (Imbas Kembali Drama TV Abad Lalu), Hizairi Othman (Penulisan Drama TV pada Era Globalisasi).

UTUSAN MALAYSIA

# ASK anjur Seminar Penulisan Dramatik

UTUSAN MALAYSIA 23/8/2000

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) dengan kerjasama Yayasan Kesenian Perak akan menganjurkan Seminar Penulisan Dramatik II (SPD) dari 16 hingga 18 September ini, di Taman Budaya Negeri Perak, Ipoh.

Seminar kali kedua ini (selepas Port Dickson pada 1995) akan menumpukan perbincangan terhadap aspek penulisan, penerbitan dan penelitian dramatik dalam genre teater, drama TV dan filem cereka.

Sebanyak 18 kertas kerja akan dibentangkan oleh para sarjana, peneliti, penulis, penerbit dan pemerhati bebas dalam bidang penulisan dan penerbitan seni dramatik.

Tema seminar ini ialah 'Penulisan Dramatik Pada Era Globalisasi', selaras dengan kedatangan alaf baru dan ledakan informasi maklumat.

Perbincangan dalam seminar ini pula akan tertumpu kepada peranan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penulis, pengarah, penerbit dan semua pihak yang terbabit dalam bidang seni ini.

Selain pembentangan kertas kerja, satu sesi tayangan dan diskusi filem serta forum turut diadakan dengan tujuan untuk pertukaran idea, perspektif serta wawasan seni dramatik semasa.

Antara pembentang ialah Dr. Anuar Nor Arai, Mahadi J. Murat, Hassan Muthalib, Raja Ahmad Alauddin Raja Mohd. Redzuan, Prof. Madya Said Halim Said Nong dan Prof. Madya Dr. A. Rahman Napiah.

Keterangan lanjut tentang pendaftaran, penginapan serta penyertaan, hubungi Zakaria Ariffin di 03-21649180 sambungan 244/245/256.

UTUSAN MALAYSIA
25/8/2000

# Joget lambak sambut Merdeka

UNTUK mengembalikan nostalgia kegemilangan joget lambak ala BB Park, The Actors Studio akan menganjurkan acara Joget Merdeka 2000.

Acara ini akan berlangsung pada malam 30 Ogos bermula pukul 10 malam sehingga 2 pagi di Plaza Putra Concourse Dataran Merdeka.

Pengarah projek acara ini, Mohd. Sobri Anuar Tarmizi, berkata, acara itu adalah apresiasi joget dan di antara format muzik Melayu yang tertua dipersembahkan oleh sekumpulan anak muda.

"Anak-anak muda ini mahu tarian joget lambak dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan muzik Waltz Samba dan Cha Cha pada malam kemerdekaan nanti," katanya.

Menurut Sobri lagi, idea untuk menganjurkan acara ini timbul memandangkan tidak ada pihak yang berusaha untuk mengembalikan kegemilangan joget yang merupakan khazanah berharga dalam kesenian tempatan.

"Kami sering terfikir kenapa tidak diadakan satu malam di mana orang berjoget ramai-ramai seperti pada majlis kenduri kahwin atau seperti zaman kegemilangan BB Park suatu ketika dahulu.

"Apabila pertanyaan itu diajukan kepada Faridah Merican, dia bersetuju dengan idea kami dan akan bertindak sebagai penganjur," jelasnya.

Ditanya apakah signifikasi antara tarian joget dan kemerdekaan yang diraikan, Sobri berpendapat, keduaduanya amat berkait rapat.




Penganjur Joget Lambak, Faridah Merican bersama kumpulan pemuzik yang akan menjayakan acara itu di Plaza Putra Concourse Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos nanti.

Pengaruh muzik Barat yang semakin menular menyebabkan sebahagian besar remaja tidak lagi mengenali kesenian dan budaya bangsa sendiri.

Katanya lagi, kebiasaannya kebanyakan remaja kota hari ini akan meraikan kemerdekaan di pusat hiburan seperti disco, pub dan sebagainya.

"Saya pasti, hanya lagu-lagu bercorak Barat yang akan berkumandang di tempat hiburan seperti itu.

"Tetapi ramai yang tidak tahu kita sebenarnya boleh berhibur sambil memberi sumbangan kepada irama dan kesenian tradisional kita dengan memilih irama joget.

"Biarlah kita kembali ke akar budaya dan kesenian sendiri agar kemerdekaan kali ini menjadi lebih bermakna," kata Sobri.

Sebahagian besar daripada tenaga pementasan ini terdiri daripada graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Mereka berpengalaman di dalam pelbagai jenis persembahan seperti teater, konsert, persembahan tv, hotel dan merentasi segala jenis muzik.

Antara pemuzik yang terbabit ialah Mustakim (accordian), Roza (keyboard), Ezendy 21 (percussion), Zaaba 21 (dram), Adi 20 (gitar), Azman 20 (gitar), Shahril (bes) dan Juanita (penyanyi).

Empat pasang penari joget juga disediakan. Tugas mereka selain daripada menarik orang ramai berjoget, adalah untuk mempertontonkan keindahan, kesopanan dan kehalusan joget dalam suasana pesta yang penuh keriangan.

Majlis itu juga akan menampilkan anak kepada pelakon komedi terkenal Allahyarham A.R Tompel dan Ruminah Sidek, Adlin Tompel sebagai pengacara.

Penonton yang ingin mendapatkan kupon boleh membelinya dengan harga RM10 untuk tempoh sepanjang acara joget itu atau membayar RM1 untuk setiap kali joget.

Mereka akan diiringi lebih daripada 30 lagu joget lama, baru dan kontemporari diselang-selikan dengan lagu-lagu zapin, inang, asli dan keroncong yang disampaikan secara langsung pada pesta gilang-gemilang.

Untuk tempahan tiket sila hubungi talian 03- 26945400 atau 26925927.



*The Akademi Seni Kebangsaan students doing the joget for the eve of the Merdeka Day celebration.*

# The joget way to celebrate Merdeka

**By RENEE CHOONG**

FORGET disco, cinema or parties. Instead revel in the millennium Merdeka celebration with *Joget*.

And making that change is a group of youths from Akademi Seni Kebangsaan.

These students have decided to organise *Joget Merdeka 2000* at the Plaza Putra Concourse, Kuala Lumpur, on the eve of Merdeka Day from 10pm to 2am.

To prove that joget is fun and alive, the students did a rendition of the *Joget Pahang* during the press preview at the Actors Studio Box in Plaza Putra.

The performance was brilliant with the women dressed in the finest *baju kebaya* and *selendang*, while the men in *baju Melayu* dancing to the lively music.

Project director Mohd Sobri said *Joget Merdeka* would be a fun-filled party minus Ecstasy pills.

He urged all Malaysians to support this event.

The coupons are sold in batches of 10 for RM10. Each *joget* dance requires one coupon and more than 40 different *joget* songs will be played.

For coupons reservations, call The Actors Studio Theatre at 26945400/2925927. Alternatively you may log on to *www.theactors-studio.com.my* for more information.

# Groningen pukau peminat muzik klasik

UTUSAN MALAYSIA 7/9/2000

KETIKA menuntut dalam bidang muzik, kumpulan Groningen Guitar Duo didedahkan dengan penciptaan lagu klasik yang menghasilkan nota untuk permainan gitar.

Penciptanya mencipta lagu tersebut untuk meluahkan perasaannya yang tidak dapat dilahirkan dengan kata-kata.

Untuk itu, apabila mempersembahkannya, mereka menghayati dan memahami apa yang cuba disampaikan oleh penciptanya semasa mencipta lagu.

"Kami berharap anda semua turut merasai perasaan yang cuba diluahkan oleh penciptanya," kata Remco de Haan salah seorang anggota kumpulan itu.

Mereka mempersembahkan rangkaian lagu-lagu klasik, diadakan di Auditorium Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Petikan gitar akustik yang dipersembahkan menarik perhatian apabila ia menggambarkan beberapa perasaan seperti sayu, resah dan gembira.

Mereka mempersembahkan lagu-lagu yang dicipta pada tahun 1880-an hingga 1950-an.

Lagu-lagu tersebut pernah menjadi salah satu mata pelajaran ketika mereka masih menuntut.

Sememangnya, lagu-lagu klasik dalam versi petikan gitar memerlukan penghayatan daripada pemainnya untuk membolehkan penonton turut menjiwai lagunya.

Walaupun tiada ayat yang dilafazkan, namun irama yang dihasilkan mampu meruntun perasaan khususnya seseorang yang sensitif dengan irama yang sayu.

Rakan duet Remco dalam kumpulan itu ialah Erik Westerholf yang kedua-duanya aktif bermain muzik di Belanda.

Mereka mempersembahkan lagu-lagu ciptaan C Debussy, J Ter Veldhins, I Albeniz, E Granados dan J McLaughlin.

Mereka turut mempersembahkan lagu yang digubah sendiri seperti *Le Petit Negre, Claire De Lune, From Suite Espanola Op.47, The John McLaughling Suite, Danza Espanola Op.37* dan beberapa lagu lagi.

Groningen Guitar Duo yang ditubuhkan pada tahun 1980 merupakan sebuah kumpulan gitar popular di Belanda.

Pada tahun 1988, mereka pernah memenangi anugerah utama pertandingan persembahan gitar duet di Perancis.

Mereka juga pernah mengadakan persembahan di Amerika Selatan, Timur Tengah, Eropah, Timur Jauh dan negara-negara Asia.

Kumpulan itu telah menghasilkan lapan buah album yang rata-ratanya mendapat sambutan menggalakkan.



KUMPULAN Groningen Guitar Duo dengan petikan gitar dalam persembahan mereka di Auditorium Muzium Negara, baru-baru ini.

By DARYL GOH

# Masters' performance

TWO guitars, two microphones and a whole lot of precision. No such thing as a safety net when it comes to the classical guitar recital experience since the harmonics rest heavily on the skill and emotive expression of the hands behind the music movements.

Never undervalue the appeal of the classical guitar idiom — a rich and stimulating genre in which subtle modulations, chord theory and sharp sensibility merge into an intriguing art form.

Not surprisingly, classical guitar has an eager audience too. It didn't take much publicity to get a full house at the National Muzium Auditorium in Kuala Lumpur to catch the Groningen Guitar Duo — Remco de Haan and Erik Westerholf — in sublime action.

The unassuming two, who have been playing together for 20 years, are a highly rated Dutch classical guitar outfit who were in town to perform a one-night recital and conduct a series of masterclasses last week.

It was also their first Pacific Rim jaunt — appearing in small venues and lending some valuable insight on the development of classical styles to guitar students in countries such as Australia, Indonesia, Thailand, Singapore and Malaysia.

"These engagements give us the opportunity to show people where the direction of modern classical guitar is going," said Westerholf after the two-hour set. The show was endorsed by GIM Custom Guitar and the National Arts Academy.

These blokes have trained and been appointed by the Groningen Conservatory since 1992 and they have held masterclass sessions throughout Europe. To date, the duo has eight recordings to its credit (on the Dutch Ottavo label). It has also picked up various honours (i.e. winning the Third International Competition for Guitar Duo in Montelimar, France, in 1988) and a Carnegie Hall (New York) gig stands very much as a career highpoint.



***Remco De Haan (left) and Erik Westerholf have been performing together for 20 years which is why they are masters at their craft.***

Apart from intimate guitar recitals, the two have also worked in full orchestral settings at home and venues in France.

In Malaysia, the Groningen Guitar Duo's set-list might not have been too elaborate and all encompassing. But de Haan felt that the pieces were representative of the duo's overall strength.

"We had to leave out the baroque pieces and (include) more from the classical period. It was important the set had to be suitable for a cross-section of the audience," de Haan noted.

But there were stirring pieces during the show. The duo confidently interpreted refined works from Debussy, Granados, Albeniz right down to Argentinian composer Astor Piazzola and a modern piece by Ter Veldhius.

Composure and craft were of the essence; striking a chord between moody melancholy and evocative harmonies, de Haan and Westerholf bridged free-exchange and lively textbook fretwork.

The probing interplay was exceptional in the Granados pieces exuding tonal brilliance. With assertive stillness and falling arpeggios coming into fruition, this was truly a highly accomplished yet moving traditional suite.

Rightfully, the test of the Groningen Guitar Duo's mettle was showcased on the experimental John McLaughlin suite — easily the most accessible work in the set for the performers and audience.

"We spent two years transcribing McLaughlin's work. There was no music (notes) for reference. That meant we had to listen to what he was playing, very closely, and put the work into a two-classical-guitar structure," said Westerholf.

In well-trained hands, the classical revisions of McLaughlin's work still had plenty of resonance and rhythmic bite. Despite a sparse backdrop and a classical palette, the musically challenging stride on *Belo Horizonte*, *Three Willows* and *Hijacked* lived up to the billing with particularly impressive passages.

Without much transitional problems, the textural changes and altered tunings managed to find a classical synergy.

According to de Haan, there was positive feedback from McLaughlin himself regarding the duo's classical interpretation (*The John McLaughlin Suites*) featuring the man's solo work along with pieces from Shakti and Mahavishnu Orchestra.

For the duo, it was a challenge to understand and piece together McLaughlin's jazzy rock variations. The end result was truly satisfying even for these seasoned players.

In summing up, Westerholf noted: "McLaughlin is God to many guitar fans ... the purists were watching and we were afraid of missing the mark.

"But it was nice to know there is recognition for our little tribute. Our album received a good review on his website."

THE MALAY MAIL



after5 With WILSON HENRY

Nights

M.M. 20/9/2000



# DUTCH-STRUM MEN

AND there are two of them who plan to excite local guitarists with their techniques.

Say hello to Remco de Haan and Erik Westerholf who both formed the Groningen Guitar duo in 1980.

They have performed in major halls like the Concertgebouw in Amsterdam and Vredenburg in Utrecht.

Watch them perform on Oct 3 at Auditorium Muzium Negara at 8pm. Tickets are priced at RM20.

They have also released CDs as well and will conduct a master class and workshop on Oct 4 at Seminar Hall, Akademi Seni Kebangsaan, Jln Ampang, KL.

For more information call 03-216 49180

THE MALAY MAIL Thursday, September 21, 2000

## Nights

# DUTCH STRUM men

AND there are two of them who plan to excite local guitarists with their techniques.

Say hello to Remco de Haan and Erik Westerholf who both formed the Groningen Guitar duo in 1980.

They have performed in major halls like the Concertgebouw in Amsterdam and Vredenburg in Utrecht.

Watch them perform on Oct 3 at Auditorium Muzium Negara at 8pm. Tickets are priced at RM20.

They have also released CDs as well and will conduct a master class and workshop on Oct 4 at Seminar Hall, Akademi Seni Kebangsaan, Jln Ampang, KL.

**For more information call 03-216 49180**

THE STAR 28/9/2000

# Guitar treat from duo

CALLING all guitar enthusiasts — the Groningen Guitar duo from the Netherlands is going to be in town to hold a workshop and a concert early next month.

Jointly organised by GIM Custom Guitars and Akademi Seni Kebangsaan with the cooperation of The Royal Netherlands Embassy and the Museum and Antiquities Department, the concert is scheduled for Oct 3 at the Auditorium Muzium Negara at 8pm while the workshop will be held at the Seminar Hall of Akademi Seni Kebangsaan at 10am on Oct 4.

The auditorium, with a capacity of 350, is at the new block of the museum.

Tickets are priced at RM20 for each event.

The duo — made up of Remco de Haan and Erik Westerhof — won the first prize at the Third International Competition for Guitar Duo in Montelimar, France, in 1988.

They have performed in major halls all over the world and their work is available via the eight CDs they have released.

Direct enquiries and bookings to Akademi Seni Kebangsaan (☎ 03-2164 9180), GIM Custom Guitars (☎ 03-983 5117 / e-mail: **tcmych@tm.net.my**). Tickets can also be bought at the door.

## SAJAK UNTUK SRIKANDI

(Dedikasi buat Allahyarham Seniwati Negara Khatijah Awang)

***Mungkin kaulah srikandi maharana***
***meski tidak di medan perang***
***namun dari titip jejakmu***
***yang beralun***
***meninggalkan kesan***
***seribu tahun tak mungkin berulang.***

***Betapa kau untai kasih sayang***
***dari rebah dan jatuh bangun***
***betapa selendang songketmu***
***bukanlah pembalut***
***luka pengorbanan yang bertahun.***

***Hari ini tari mungkin***
***tidak tersusun rapi***
***gending pun telah diam merdunya***
***jatuh gugur kelopak bunga***
***dari Dewa Muda yang berduka.***

***Dalam nyanyianmu***
***aku sempat mendengar***
***lagu percintaanmu dengan-Nya***
***tak pernah pudar lagi setia***
***merindu... merindu***
***dalam derita tersimpan***
***tak terkhabarkan***
***sehingga salam pun tak kesampaian***
***dari kami tak terdengarkan.***

***Kini setelah pergimu***
***penggantimu tak mungkin seribu***
***potret cintamu kan dikenang***
***kekal tersimpan zaman-berzaman.***

– AMALIA FAUZA BOHARI,
Akademi Seni Kebangsaan, KL.

MINGGUAN MALAYSIA

1 OKT. 2000

UTUSAN MALAYSIA

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Kementerian
Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan Malaysia

ISTANA BUDAYA

mempersembahkan

# Festival
TARI ANTARABANGSA
# TARI 2000

UTUSAN MALAYSIA
7/10/2000

tempat **Istana Budaya, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur**
tarikh **4 - 8 Oktober 2000** masa **8:30 - 10:30 malam**

## *Jadual Persembahan*

| Tarikh | Peserta |
|---|---|
| 4 Oktober 2000 (Rabu) | Malaysia - Akademi Seni Kebangsaan<br>Australia - Western Australian Academy of Performing Arts (WAAPA) |
| 5 Oktober 2000 (Khamis) | Hong Kong - Miranda Chin Dance Co.<br>Japan - Sal Vanilla |
| 6 Oktober 2000 (Jumaat) | Singapore - Singapore Dance Theatre<br>Malaysia - D'Cipta Sarawak |
| 7 Oktober 2000 (Sabtu) | Bermuda - Bermuda Dance Co.<br>Taiwan - ACME Physical Theatre Dance Co. |
| 8 Oktober 2000 (Ahad) | *Persembahan Gala*<br>Malaysia (ASK) • Australia • Japan • Hong Kong • Singapore • Bermuda • Taiwan • Malaysia (Sarawak) |

**Persembahan Showcase:**
tempat **Panggung Eksperimen, 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur**
tarikh **4 - 8 Oktober 2000**
masa **5:00 - 7:00 petang**

***Masuk Percuma***

**Pas percuma boleh didapati di Istana Budaya**

*untuk maklumat lanjut sila hubungi Akademi Seni Kebangsaan Tel:* **03-2164 9180** *samb.* **224**
*Urusetia Tari 2000 Tel:* **03-291 9833** *samb.* **840**

# ASK, Waapa buka persembahan Tari 2000

12/10/2000

BERITA HARIAN

FESTIVAL Tari Antarabangsa, Tari 2000 yang mempertemukan karyawan tari dari negara Jepun, Taiwan, Australia, Bermuda, Singapura, Hong Kong dan Malaysia cukup menarik bagi karyawan tari melihat kemajuan dalam seni itu tanpa melupakan tradisi.

Sesuai dengan tema yang dipilih iaitu 'Bergerak Bersama Tradisi' atas dasar setiap negara mempunyai tradisi tersendiri, jelas menyedarkan semua pihak tradisi wajar dipertahankan.

Kemodenan tidak boleh ditolak tetapi kemodenan mestilah bertolak dari akar tradisi yang kukuh supaya jati diri sesuatu bangsa itu dapat dikenali, dihayati dan dimanfaatkan oleh generasi selepas itu.

Tari 2000 adalah festival dwitahunan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang menyerahkan tanggungjawab pengendalian program itu kepada ASK. Ini adalah kali keempat dan sebelum ini ia pernah diadakan pada 1994, 1996 dan 1998.

Selain mengadakan persembahan di Istana Budaya, peserta Tari 2000 turut mengadakan bengkel tari, kuliah/demonstrasi dan persembahan siang di Panggung Eksperimen.

Gelanggang Tari 2000 di Istana Budaya, Jalan Tun Razak dibuka dengan menampilkan dua kumpulan yang membuat persembahan utama iaitu Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dari Malaysia dan Waapa dari Australia.

Diilhamkan dari tari tradisional makyung, silat dan ngajat, *Titik Warisan* yang menjadi judul tari memperlihatkan Ketua Program Seni Tari ASK, Joseph Gonzales bertindak sebagai koreografernya.

*Titik Warisan* dari ASK adalah satu eksplorasi antara budaya dalam gerak penuh makna. Ini adalah suatu bayangan pengalaman, ketegangan, konfrontasi dan kekuatan dalam mencari arah penerimaan dan penyerapan.

Dengan menggunakan hakikat ini sebagai suatu metafora ke arah penggubahan kesatuan budaya, usaha koreografinya cuba mencari erti suatu bentuk yang akan menjadi asas kepada tradisi baru.

Joseph memilih Baharuddin Bahrin Ramli sebagai penari di pentas utama seawal gelanggang dibuka, penari iringan dihadirkan dengan berpakaian gelap dan membawa lilin; dan selepas itu mereka membawa rentak makyung.

Persembahan ASK itu satu sumbangan kepada pensyarahnya yang juga Seniwati Negara, Allahyarham Khatijah Awang, tokoh penting yang mengangkat martabat makyung.

Waapa pula menampilkan tarian *Seeing is Believing* yang memperlihatkan cara pemikiran, ingatan, imaginasi dan harapan yang dipengaruhi oleh apa yang dilihat dan apa yang difikirkan.



**ELEMEN** silat dalam Titik Warisan oleh ASK. – Gambar Affandi Mohamad

**Selain mengadakan persembahan di Istana Budaya, peserta Tari 2000 turut mengadakan bengkel tari, kuliah/demonstrasi dan persembahan siang di Panggung Eksperimen**

Nanette Hassall bertindak sebagai Pengarah Artistik dan Sue Peacock sebagai koreografer, mereka sesekali menggunakan alat multimedia menampilkan tarian pantas dan jelas terbayang keceriaan yang dihasilkan.

Pada bahagian kedua, mereka menampilkan tarian bertajuk *Gilgamesh Fragments* iaitu sebahagian daripada penerusan ciptaan inisiatif seni persembahan Indo-Australia.

Dengan menggunakan tongkat dan memilih nyanyian tradisi, tarian itu cuba menggambarkan kerakusan kuasa manusia yang tidak mengindahkan kemusnahan alam sekitar dan budaya sukuan.

Tari 2000 cukup baik untuk karyawan tari bertemu dan festival ini cukup baik kerana ia memberi banyak manfaat kepada pembelajaran khususnya ASK.



**PERGERAKAN** tarian

---

yang turut menerapkan konsep rawatan Islam kepada pesakit.

# Form… rawa…

SEJARAH kaedah penyembuhan ala g… tenaga bermula dari zaman purba… sep dan prinsip yang ditonjolkan… perubatan dan sains Barat terdahu… perti Hermes, Hippocrates dan Phy… meletakkan asas yang terus diterin… kai. Ia kemudian dipengaruhi Para… dan kemudian Hannemann, bapa H… pati.

Namun, titik tolak konsep peny… han menggunakan tenaga getaran… zaman moden ini ialah kemunculan ra… menggunakan esen bunga yang dip… ri oleh Dr Edward Bach dari Englan…

Di negara ini, konsep rawatan itu… kenalkan Dr Anuar Engku Abdul Ra… dan Datuk Mat Lazim Derani menerus… Healing Techonology (THT) Trea… Centre di Petaling Jaya sejak tiga… lalu.

Dr Engku Abdul Rahman adalah… Pegawai Tadbir dan Diplomatik d… belum ini beliau pernah menjawat… tan Pengurus atau Konsultan Utama… rikat minyak gergasi tempatan sela… berapa jawatan dalam kerajaan.

Sementara, Dr Mat Lazim pernah… megang jawatan Pengerusi atau ket… sekutif di syarikat swasta dan Pe… Besar Institut Pengurusan Malaysia… selain beberapa jawatan lain dalam… jaan.

Dr Mat Lazim berkata, kaedah ra… yang diperkenalkan oleh mereka me… bitkan proses penyembuhan yang h… dan sistematik.

"Kaedah yang kami gunakan meny… kaedah homoepati cuma ia diperm…

# A letdown at free cultural show

16 OKT. THE MALAY MAIL

By HASNITA SHAARI

## Denied entrance to dance event despite having tickets

■ IT was a free cultural show and everybody was excited about it.

"I was excited too and decided to book five free passes for the International Dance Festival 2000 at the Istana Budaya which had ended recently," says **Dino.**

Since it was a cultural dance show, he decided to bring the whole family and a German friend who was visiting Malaysia.

"I collected the free passes at Stanford Hotel and there were seat numbers on the tickets," he says.

On the day of the function, **Dino** arrived about 15 minutes before the show started.

"We were taken aback when we were told at the entrance that the theatre was full and no more seats were available," he says.

**Dino** and his family were not alone.

"There were dozens of people fuming outside the theatre that night."

He says they were not allowed to enter even though they had tickets.

"Imagine the embarrassment to my German guest. He probably thought that Malaysians are bad in organising such shows," he says.

*AKADEMI Seni Kebangsaan public relations officer **Haniah Hassan** apologises to those who failed to watch the show due to the problem.*

*"Some of our invited guests who arrived late had the same experience because they thought their seats had been booked," she says.*

*She says since the show was free, it enjoyed a full-house audience for five days.*

*However, **Haniah** declined to explain the cause of the problem.*

*"We need to discuss the problem with our co-organiser, the Culture, Arts and Tourism Ministry and Istana Budaya, who allowed us to use the theatre as the venue for the show."*

***Haniah** assures members of the public that the academy will ensure that similar problems would not recur.*

***Hotline** is of the opinion that the reasons should be made public as those who turned up deserve an explanation. They had wasted time and effort to go there.*

*Denying them an explanation is totally unprofessional.*

## Entertainment




A question mark on members?



A quick word with the cast before rehearsals get underway.

# Period plays a costly affair

from PAGE 8

And throughout that period, I suffered tremendously. A big portion of my teenage years was spent dealing with starvation, disease and death. I remember seeing heads on poles everywhere. You could say that I became immune to suffering, pain and death. I lived life expecting tragedy. When you are surrounded with pain, tragedy became less painful.

Besides, Islam teaches one not to view death tragically

**Do you like to present this trilogy on screen?**
I would love to do that. But it will require a huge budget. As you can see, all these are period plays. A lot of money have to be spent on the set designs and costumes to give the aura from the 1940s to the present century.

For a TV production alone, I estimated each story in this trilogy may cost RM70,000. I don't think any producer would like to take up such a costly project.

**Do you only see colonisation in a negative light?**
Colonisation brought negative as well as positive impact to us. But there are more negative impacts.

The most negative consequences they have done was to take over our mindset and implementing their values.

A good example is the way we dress now. We used their attire more than we used ours.

In fact when someone uses a traditional costume, we look at the person as if something is wrong with him.

Even when quoting or using reference, we use Western literature and legends more. We hardly talk about Hang Tuah, Mahabratha,etc. Instead we discuss more about Shakespeare.

The fact that we are talking in English is one of the effects.

We should take the trouble to learn each other's mother tongue but we don't do so.

**Surely the colonials have brought in some positive values?**
Yes, they did. They open us our eyes to the outside world, exposing us to their literatures. They helped develop our infrastructures such as roads, railways, etc. Because of them, we are not living under a coconut shell. However, we pay a heavy price for such progress. Our minds have been taken over and our values replaced. Sometimes I ask myself: "Is the price worth it?"



**Syed Alwi not only writes and directs but is also an actor. Here, he is regal as the prime minister in *Anna and the King*.**



...kan dalam makyung kanak-kanak.

# Raja Pencil, makyung pertama kanak-kanak di Malaysia

Oleh Jamudin Idris

BERITA HARIAN 17/10/2000

**Raja Pencil yang dicerita semula oleh Pak Nasir Yusoff, mengisahkan Raja Samar Haru yang bermimpi dan disuruh seorang tua mengembara melihat negeri tetangga dan selepas mendapat keizinan Raja Indera Dewa, baginda bersama dua pengasuh belayar**

PRIMADONA makyung, Khatijah Awang pernah berhasrat untuk membuat satu pementasan makyung di kalangan kanak-kanak. Hasrat itu rasanya pernah diluahkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid. Ia dicadang dipentaskan di Istana Budaya. Idea itu timbul selepas kejayaan pementasan teater kanak-kanak 'Siti Di Alam Fantasi'.

Bagaimanapun hasrat Khatijah Awang tidak kesampaian kerana Tuhan menjemputnya lebih awal tetapi yang membanggakan niat suci itu dilanjutkan oleh murid Khatijah Awang, Azaha Othman dan terhasil makyung kanak-kanak *Raja Pencil*. Ini menjadikan pementasan itu sebagai pementasan pertama makyung kanak-kanak di Malaysia.

Pementasan makyung kanak-kanak adalah atas inisiatif sekumpulan bekas pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan. Mereka mengadakan bengkel lakonan teater tradisional makyung bermula Mei lalu.

Bengkel makyung kanak-kanak diadakan di Matic, Jalan Ampang setiap Sabtu dan Ahad. Ia membabitkan seramai 30 kanak-kanak sekitar ibu kota. Mereka berusia di antara tujuh hingga 16 tahun dan menjalani teori dan praktikal.

Kanak-kanak itu didedah dengan pelbagai disiplin, asas lakonan, gerak tari, seni muzik, komedi lebih-lebih lagi pembelajaran teori yang membabitkan pengenalan makyung. Aspek itu antaranya asal-usul sejarah makyung, tarian, muzik, cerita, watak, solekan, kostume serta falsafah dalam kesenian makyung itu.

Jauh sebelum itu, Azaha sebenarnya sudah mempunyai beberapa rakan rapat seperti Sarifudin Marzuki (Gie Gie Marzuki), Jasmi Jamal serta pelajar ASK yang lain di samping mendapat sokongan padu daripada Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Wilayah, Sulaiman Yusof dan penolongnya, Mohd Azhar Abdul Kadir untuk menggerakkan kegiatan yang berkaitan dengan kanak-kanak. Mereka menggunakan khidmat kanak-kanak Tunas Budaya yang diwujudkan oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan.

Ini kerana sebelum itu mereka mementaskan bangsawan kanak-kanak 'Cermin Sapura'. Ia menjadi titik tolak ke arah membawa kanak-kanak itu meneroka bidang seni lain dengan lebih meluas. Dari situ, mereka melangkah kepada makyung dan kemungkinan Randai pada tahun depan.

Raja Pencil yang dicerita semula oleh Pak Nasir Yusoff, seorang pemuzik di Istana Budaya mengisahkan Raja Samar Haru yang bermimpi dan disuruh seorang tua mengembara melihat negeri tetangga. Selepas mendapat keizinan Raja Indera Dewa, baginda bersama dua pengasuh belayar.

Baginda tiba di sebuah negeri yang miskin. Baginda jatuh hati kepada Puteri Cakna Muda, isteri Raja Pencil. Dengan menggunakan kekayaan, baginda berjaya memujuk Bonda Ibu Ayu iaitu bonda kepada Puteri Cakna Muda.

Raja Pencil yang sedang mengail mendapat alamat buruk dan kembali ke istana. Bagaimanapun, Bonda Ibu Ayu menghalaunya dan akhirnya menjadi orang tawanan. Tetapi dengan bantuan Bentara Guru, hasrat Raja Samar Haru untuk membunuh Raja Pencil gagal. Raja Samar Haru dan Bonda Ibu Ayu menyesal atas perbuatan mereka.

Dari segi tarian, ia boleh dibanggakan tetapi disegi lakonan kerana ada hambatan masa latihan yang diadakan setiap Sabtu dan Ahad, kelemahan kecil di sana sini tidak dapat dielakkan. Ia boleh dimantapkan untuk membentuk sebuah kumpulan makyung kanak-kanak di Malaysia.

Antara pelakonnya ialah Nur Natasha Md Rus (Raja Pencil), Nur Ayu Ithnin (Puteri Cakna Muda), Norhasmidar Ahmad (Raja Samar Haru), Delila Mira Sari Muhamed Fuzi (Bonda Ibu Ayu), Muhaizam Ahmad (Peran Tua), Mohd Hafiz Amirhamzah (Peran Muda/Bentara Guru), Ahmad Suffian Mohd Pauzi (Peran Besar) dan Mohd Fadzul Mokhtar (Wak Nujum).

Lebih dari itu, kita tentunya berasa bangga kerana pementasan makyung kanak-kanak itu mendapat sokongan kewangan daripada korporat prihatin seperti Petronas, Electcoms, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bursa Saham Kuala Lumpur serta beberapa pihak lagi.

# ASK bergabung pentaskan teater Inggeris



ARIFWARAN SHAHRUDIN

18/10/2000 UTUSAN MALAYSIA

Oleh SITI ROHAYAH ATTAN

PELAJAR Akademi Seni Kebangsaan (ASK) sekali lagi diberi peluang menimba ilmu dengan karyawan luar melalui teater *I Remember The Rest House*.

Teater karya dan arahan Datuk Syed Alwi Hassan ini menggabungkan tenaga pelajar ASK serta pelakon luar khususnya yang terlibat dalam teater Inggeris.

Antara pelakon luar yang terlibat ialah Zaibo (sebagai Anjang Hamid), Tim Williams (D.0), Kennedy John (A.D.C), Deborah Lynn Michael (Manager), Ng Boon Cheng (Barboy), Abdullah Zainol (Sultan), Megat Saiful Bahri (Datuk Setia) dan Kamal Kadir (Hasman).

Watak utama pula ditangani pelajar ASK iaitu Arifwaran Shahrudin (Saidi), Md. Nizam (Boy Saidi), Pizi Jihat (Hasidin) dan Salawati Shafiee (Mak Enche). Syed Alwi juga akan berlakon sebagai Pak Tuan.

Ini merupakan teater Inggeris pertama secara bergabung yang dipentaskan oleh ASK. Selama ini ASK banyak menumpukan kepada medium bahasa Malaysia dan karya terjemahan.

Menurut Penyelaras Produksi, Rosminah Mohd. Tahir *I Remember The Rest House* adalah di bawah kursus Produksi Teater Moden. Kursus tersebut adalah program latihan kepada pelajar untuk mengurus dan mentadbir produksi berdasarkan karya moden yang terpilih.

Katanya, melalui Produksi Teater Moden, ASK memilih karya Syed Alwi sebagai pendekatan langsung antara pelajar dengan pakar bidang bagi memantapkan persembahan pengurusan dan kreatif.

"Pementasan ini bertujuan mempelbagai gaya pementasan teater dengan menyusuri perkembangan teater mengikut genre dan period tertentu.

"Di samping itu dapat mengimplementasikan kajian mengikut pendekatan terpilih serta membuat perbandingan terhadap penghayatan seni yang pelbagai," tegasnya.

Menurut Rosminah, karya Syed Alwi dipilih kerana karyawan tersebut memiliki pengalaman luas dalam bidang drama yang menggunakan bahasa Inggeris dan Malaysia sejak 1951.

Antara karya yang dihasilkannya ialah *Abstration, Gallows Man, Going North, The More Get Together, Member of The Club, Hamba Allah, Di Kampung di Kota* dan *Masak-Masak*.

Syed Alwi kemudian beralih ke teater Melayu dengan menghasilkan *Alang Retak Seribu, Tok Perak dan Desaria*. Kini sedang mengusahakan skrip *Gavernor's Massion*.

*I Remember The Rest House* yang dihasilkan awal 90-an ini mengisahkan seorang remaja lelaki yang melarikan diri dari rumah dan menyertai anggota Tentera Laut Diraja British di Singapura. Ayahnya percaya bahawa peperangan adalah haram dan mengancam menyaman kerajaan kerana mengambil anaknya yang masih di bawah umur.

Residen British berjaya menebus budak lelaki itu tetapi sebelum sempat dihantar pulang Jepun telah mengebom Singapura. Dalam keadaan kelam kabut di pengkalan tentera laut itu, budak lelaki itu keluar dan menghilangkan diri.

Teater ini dipentaskan pukul 8.30 malam dari 18 hingga 20 Oktober ini di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur. Harga tiket RM10.

THE STAR 20. OCT. 2000

**More dance** – THE ASK Dance Company – comprising students of Akademi Seni Kebangsaan presents an evening of traditional Malaysian and modern dance performances entitled *Dari Megadap Rebab Ke Moden* at the Actors Studio Box. This show is a tribute to the late Khatijah Awang – National Laureate for the Arts 1999 and famed *mak yong* exponent – who passed away recently. Tickets are priced at RM20 (adults) and RM10 (students) and available at the Actors Studio Theatre (03-26945400 or 26925927). Reservations can be made via the net at *tickets@theactorsstudio.com.my*.

**Now for some music** – GUEST pianist Pierre-Laurent Aimard will perform "some of the most profound works of Beethovan" at the Dewan Philharmonik Petronas under the baton of Antoni Wit today and tomorrow at 8.30pm. The pianist will tackle Beethoven's *Piano Concerto No.5 in E flat (Op. 73) The Emperor*, reputed to be "one of the most original, effective and difficult of all existing piano concertos." Tickets are priced at RM200, RM150 and RM100 and available at the Box Office (☎**03-20517007**) or on

BERITA MINGGU

Menara teater

BM 27/10/2000

Foto ZAHARIN HAYON



PELAJAR tahun pertama ASK mengadakan latihan bagi persembahan khas Dari Menghadap Rebab ke Moden.



HANIMAH dan Kamaludin asyik berlatih tarian joget.

# Persembahan kenang jasa

BAGI mengenang jasa pejuang seni tradisional makyung, Allahyarham Khatijah Awang, penuntut seni tarian Akademi Seni Kebangsaan mengadakan persembahan khas yang dinamakan Dari Menghadap Rebab ke Moden.

Sumbangannya terlalu banyak untuk disenaraikan. Malah tunjuk ajarnya juga tidak ternilai harganya. Dengan itu, tarian yang turut menjadi darah daging pelajar ASK ini dipersembahkan.

Seramai 12 pelajar mempamerkan bakat mereka dalam beberapa cabang tarian. Bermula dengan tarian Menghadap Rebab persembahan Baharudin Bahrin Ramli yang juga bekas pelajar Khatijah Awang. Tarian ini sebagai pembukaan dalam setiap persembahan makyung.

Ini diikuti tarian Layang Mas dan Terinai oleh Saiful Bakhtiar Shahban. Tarian yang berasal dari Perlis dan Siam ini menceritakan kisah puteri raja Siam yang ditawan dan melarikan diri bersembunyi di Bukit Cuping. Enggan menyerah kalah, puteri itu terpaksa melalui pelbagai cabaran seperti yang digambarkan dalam gerakan Layang Mas.

Pelajar tahun pertama yang berasal dari Sabah, Hanimah dan Kamaludin pula menghiburkan penonton dengan tarian joget serta tarian Sumazau dan Limbai.

Selain itu, Hadi Zakaria Horbeck dengan tarian Ngajat, A Aris dan Azizi dengan tarian Zapin Tenglu dan Ambika Subramaniam mempamerkan tarian tradisional India.

Mereka juga bergabung menghasilkan beberapa tarian kontemporari/moden hasil pereka tari Gan Chih Pei, A Aris A Kadir dan Joseph Gonzales serta tarian yang dinamakan Composition bimbingan Mew Chang Tsing.

Tarian-tarian ini juga sebagai usaha memperkenalkan budaya tempatan sekali gus memperlihatkan kemampuan pelajar menyerap ilham tari moden.

Ternyata usaha ASK dalam mendidik bakat muda ini bukan lagi satu angan-angan. Sebaliknya, penuntut ini makin bersemangat memperjuangkan seni tarian untuk dikenali masyarakat serta mempelajari tarian moden bagi memperlengkapkan diri masing-masing dengan ilmu yang tiada penghujungnya.

Mereka juga kini lebih berani dalam berkarya serta berfikiran kreatif untuk menghasilkan gerak tari berbanding dulu yang lebih kepada asas tarian tradisional.

Persembahan yang diadakan di The Actors Studio Box, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur sejak Jumaat lalu dan berakhir Ahad ini menampakkan hasil yang positif serta komitmen bakat muda dalam menyemarakkan dunia seni persembahan tempatan pada masa akan datang. – **Oleh IZZA SAFINAZ IBRAHIM**

# Teater Marlia, Rusminah dipentaskan

30/10/2000 · BERITA HARIAN

**Oleh Akmal Abdullah**

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan mengadakan dua teater sepanjang November ini yang dijayakan sepenuhnya oleh pelajar di pusat pengajian itu dalam usaha memeriahkan kegiatan teater tempatan.

Persembahan pertama ialah teater eksperiman berjudul *Cari Cari* karya dan arahan Marlia Musa. Ia akan dipentaskan pada 10 hingga 12 November ini manakala persembahan kedua, *Medea* karya Euripedes.

*Medea* diarahkan Rosminah Tahir dan Roselina Khir yang akan dipentaskan pada 17 hingga 19 November ini. Kedua-dua pementasan itu berlangsung di Panggung Eksperimen (ET), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

Jurucakap ASK berkata, *Cari Cari* berkonsepkan permainan di mana ia memerlukan kepantasan pelakon melakukan improvisasi dan mempamerkan kemahiran lakonan dalam pelbagai genre teater tradisional dan moden.

"Di samping itu, pelakon juga akan memberi maklumat mengenai subjek dan kursus pembelajaran di ASK, khususnya di Jabatan Teater. Ini memberi peluang penonton mendapatkan pengalaman dengan melihat sendiri proses persiapan di sebalik tabir produksi ini.

"Idea asal cerita ini ialah daripada Marlia dan dia turut bertindak sebagai pengarah. Produksi ini turut menggabungkan tiga persembahan penilaian pelajar tahun akhir iaitu *Tapoh Manja, Caesar* dan *M Butterfly*.

"Ia diadakan selama tiga hari iaitu pada 10 dan 12 November ini, jam 3 petang manakala pada 11 November, jam 8.30 malam. Tiket berharga RM10 untuk dewasa dan RM5 bagi pelajar," katanya.

*Cari Cari* Ømembariskan pelakon Mohd Hady Tahir, Abdul Sham Razak, Mohd Rosli Taib, Jabat Majilon, Norafazilah Ameer, Shahril Nizam, Mcycnthia Harzuni Ali, Hafiz Hussin dan Sariza Samsuddin.

Bagi *Medea,* pelakon yang terbabit ialah Jerrica Lai, Amy Haryani Abdul Hamid, Noorfazilah Ameer, Zaini Abu Hassan, Shariful Akma Abdullah, Baharuddin Baharin Ramli dan Mohd Arifwaran Shaharuddin.

*Medea* memaparkan kisah mengenai warisan takhta raja Yunani, pengkhianatan dalam perkahwinan, pembalasan dendam dan pembunuhan. Ia berkait dengan pasangan suami isteri yang mempunyai dua anak lelaki yang dipilih menjadi waris raja.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai dua teater itu, telefon nombor 03-2649180 sambungan 239.



MARLIA MUSA



ROSMINAH TAHIR

BERITA HARIAN 31 OKT. 2000

SAJAK

## SALAM PERJUANGAN

Untuk tersayang anakku
di perantauan jauh ini pesan dikhabarkan
angin lalu: moga bangkitlah rasa insaf
pada nuranimu.

Apakah bekal dan doamu
lengkapkah ilmu terisi di dada
atau kurangkah perencah perjuangan
lautan dalam jangan segan diselami.

Aku sayang, aku rindu padamu
hanya kupohon: belajarlah dengan gigih
sesekali jangan mundur setapak
apa lagi lemah di pertengahan jalan
di persimpangan jangan tersalah pilih.

Kau anakku, aku tahu, kenal dan yakin
kepercayaanku: Kau akan berjaya
menemui destinasi di hujung pencarian
dan berjaya dalam hidup.

Ibu dan bapa mendoakan selalu kejayaan
manakala kejayaanmu itu adalah baktimu
kepada mereka.

**ISA ROMTIE**
**Kuala Lumpur**

UTUSAN MALAYSIA 4/11/2000

# Semarak Puisi berjaya

2000

Oleh RAJA YUSOFF ARIFFIN

PROGRAM Semarak Puisi di Plaza Putra, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, baru-baru ini berjaya menampilkan diskusi dan pementasan sekali gus.

Acara pertama Majlis Semarak Puisi (MSP) ialah sesi Penghayatan Puisi Bersama dikendalikan novelis, Khadijah Hashim dan penyair Zurinah Hassan.

Hampir setengah jam Khadijah memperkatakan pantun dan sajak sambil sesekali berkomunikasi dengan peserta.

Zurinah yang tampil kemudiannya menceriakan suasana. Beliau mempersembahkan gurindam dan sebuah sajak *Seorang Penyair* diiringi gesekan biola.

Acara kedua, Dialog Puisi Bersama turut menampilkan Khadijah dan Zurinah. Penglibatan peserta turut menghidupkan acara apabila mereka kerap mengemukakan persoalan.

Zurinah bercakap mengenai gurindam, salah satu genre puisi tradisional yang kerap didendangkannya sejak kebelakangan ini.

Beliau gembira bagaimana gurindam disampaikan orang muda. Tidak sekadar bercakap, Zurinah turut menyampaikan gurindam sebagai panduan dan hiburan.

Khadijah berbicara panjang lagi. Sekali lagi bercakap mengenai pantun. Cuma, beliau mengingatkan agar kita tidak sekadar menggagung-agungkan pantun dahulu saja.

"Menurut pengamatan saya, memang ada pantun hari ini yang baik dan bermutu. Cuma tak diketengahkan," katanya yang terkenal dengan novel *Badai Semalam* dan *Mira Edora*.

Sambil ceramah disampaikan, peserta turut mencelah. Ada pelajar bertanya mengenai tafsiran sebenar sajak *Salji Hitam* karya Sasterawan Negara, Datuk Dr. Usman Awang.

Zurinah pun menjelaskan bahawa sajak itu memperkatakan secara simbolik soal ketidakwajaran yang berlaku dalam masyarakat.

Mengenai kesukaran pelajar memahami sajak sedemikian, dia mencadangkan agar guru terbabit menyediakan penjelasan bersama sajak.

Ada juga soalan yang tidak relevan dengan majlis. Namun Khadijah menjawab juga persoalan seorang pelajar mengenai cara menghasilkan novel.

Menjawab satu soalan mengenai usaha memupuk bakat baru, beliau menyatakan kesediaan membantu sebagai pembakar semangat.

Katanya, penulis wajar berusaha memperkenalkan karya sasterawan tanah air ke luar negara.

Zurinah pula berkata bahawa kita hanya memiliki pantun sebenarnya sebagai genre puisi lama. Jika yang ada itu tidak dipelihara, akan berkuburlah ia.

Beliau turut memberi penjelasan mengenai deklamasi sajak serta pelbagai perbezaan gaya penyampaian dan juga lagu puisi yang mana lagu puisi termasuk dalam kategori deklamasi artistik.

Acara selingan yang merupakan acara terakhir MSP dijayakan kumpulan Akademi Seni Kebangsaan. Kumpulan lima pelajar itu menyampaikan rangkaian sajak bertema kemanusiaan dan patriotik.

# *Medea*

## ...teater terbaru ASK

UTUSAN MALAYSIA
4/11/2000

HANYA sebulan selepas mementaskan teater *I Remember The Rest House* arahan Datuk Syed Alwi pertengahan Oktober lalu, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) kembali lagi dengan pementasan terbaru, *Medea*.

*Medea* adalah karya Euripedes yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia sama seperti pementasan sebelum ini yang menggunakan pelakon dan tenaga kreatif dari ASK sendiri.

Karya terjemahan terutamanya yang bersifat teater klasik adalah antara pilihan subjek di Jabatan Teater akademi ini. Sebelum ini karya terjemahan yang pernah dipentaskan oleh ASK ialah *Oedipus Sang Raja, Ribut, Hamlet* dan *Mid Summer Night's Dream*.

*Medea* diarahkan bersama oleh pensyarah Jabatan Teater ASK, Rosminah Mohd Tahir dan Roselina Khir Johari.

Ia mengisahkan tentang Jason dan Medea yang hidup bersama selama 10 tahun dan dikurniakan dua anak lelaki. Mereka telah diberi perlindungan di Corinth. Dalam masa yang sama raja Corinth, Creon yang tidak mempunyai waris lelaki sedang mencari pasangan untuk puterinya, Glauce.

Oleh kerana Medea adalah orang asing (dari Asia), maka perkahwinannya dengan Jason tidak diiktiraf di Greek dan anak-anaknya dianggap sebagai anak luar nikah. Manakala dari segi undang-undang tidak ada halangan bagi Jason meninggalkan Medea untuk berkahwin dengan Glauce. Alasan inilah yang mendorong Jason bersetuju berkahwin dengan Glauce tanpa memberitahu Medea.

Medea yang mendapat tahu Jason mengkhianati perkahwinan mereka merasa malu dan putus asa. Dia marah dan dendam serta merancang membalas dendam. Dia menghadiahkan baju beracun yang menyebabkan kematian Glauce di hari perkahwinan mereka. Sebagai kemuncak pembalasan dendam, Medea mengambil keputusan membunuh anak-anaknya sendiri.

Teater ini dlakonkan oleh Jerrica Lai (Medea), Amy Haryani Abd. Hamid (Pengasuh), Noofazilah Ameer (Guru), Zaini Abu Bakar (Jason), Saiful Akma Abdullah (Raja Creon), Baharuddin Baharin Ramli (Aegus) dan Mohd Arifwaran Shahruddin (Penyampai).

Ia dipentaskan dari 17 hingga 19 November di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur. Tiket RM10 dan RM5 (pelajar). Keterangan lanjut hubungi ASK 03-21649180.



ROSMINAH MOHD TAHIR

UTUSAN MALAYSIA



# *Aksara Merdeka* antologi tidak bermutu?

Oleh MATJUSO UTIMARA

SAYA menghantar dua sajak kepada Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) ketika persatuan itu menjemput penyair mengirimkan sajak patriotik.

Sajak tersebut akan dipilih bagi dimuatkan di dalam antologi puisi khusus bagi dijadikan teks Sayembara Puisi Hari Kebangsaan bagi tahun 2000 dan seterusnya (mungkin untuk lima tahun).

Saya percaya telah benar-benar mematuhi syarat yang dikenakan oleh pihak Gapena. Antara syaratnya hendak mengirimkan sajak bagi tujuan tersebut, sajaknya mestilah tidak melebihi 40 baris, setiap baris tidak kurang daripada empat perkataan. Sajak-sajaknya mestilah kuat, bukan sahaja sesuai untuk dideklamasikan, tetapi juga mempunyai mutu yang tinggi.

Berdasarkan syarat itulah saya kirimkan karya saya. Bagaimanapun, saya sedar masih belum mampu mencipta karya yang bermutu tinggi. Saya sekadar ingin mencuba bakat dan nasib. Namun dalam waktu yang sama saya sebenarnya lebih percaya bahawa sajak saya tidak akan dipilih. Tentulah Gapena akan menerima banyak sajak yang betul bermutu.

Sangkaan saya benar. Saya langsung tidak mengetahui perkembangan penerbitan antologi puisi tersebut sehinggalah saya mendaftarkan diri di sebuah Pejabat Penerangan untuk tujuan ikut serta dalam Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan 2000.

Saya dikehendaki membayar tujuh ringgit sebagai harga buku teksnya. Ketika itulah baru saya tahu rupanya buku teks yang baru itu telah diterbitkan. Judulnya ialah *Aksara Merdeka*, berdasarkan judul sajak Wadi Leta S.A.

Saya cuba menghayati karya-karya yang dimuatkan di situ; bukan untuk mengkritik mutunya, bukan untuk membanding-bandingkan dengan sajak saya yang tidak terpilih, tetapi untuk mencari puisi-puisi yang sesuai dihafalkan untuk nanti dibaca dalam sayembara.

Berhari-hari saya cuba memahami puisi-puisi dalam *Aksara Merdeka* sehinggalah akhirnya saya mencapai satu rumusan bahawa 50 peratus sajak di dalam *Aksara Merdeka* tidak bermutu, tidak membawa makna dan tidak mengungkapkan manifestasi kemerdekaan yang sebenar-benarnya.

### Hukum puisi

Tidak sesuai untuk dibaca dalam sebuah majlis sayembara atau majlis baca puisi yang bersabit dengan semangat kemerdekaan.

Ia tidak bermutu kerana bukan kerana ditulis tanpa sebarang semangat puisi dan semangat kemerdekaan, malahan ada sajak yang ditulis tanpa bertolak daripada hukum puisi. Bukan sahaja diksinya longgar dan hambar, bahkan mesejnya juga bercelaru.

Pemilihan kata yang tidak menentu dicampur dengan gaya persembahan yang lemah sekali gus menjadikan sajak tersebut seolah-olah ditulis oleh pelajar sekolah (bukan ditulis oleh penyair-penyair bernama besar).

Saya sedih dengan keadaan ini. Sedih kerana 'permainan' tokoh-tokoh sastera yang semakin memalukan. Tokoh-tokoh ini, yang berselindung di sebalik topeng sebagai pengkritik sastera, intelektual sastera, pengkaji sastera, penilai sastera dan panel sayembara, cuba menunjuk-nunjukkan seolah-olah mereka itu tulus ikhlas.

Hakikat sebenarnya mereka hanya bermain kayu tiga. Mereka saling 'mengampu' antara satu sama lain untuk memenangi sayembara atau anugerah; semacam sudah ada senarai nama-nama peserta yang mesti dimenangkan.

Lihatlah Hadiah Sastera Perdana. Lihatlah bagaimana pemilihan SEA Write Award. Tiada lain yang nampak, melainkan penonjolan rakan-rakan sendiri.

Bagaimanalah sastera kita boleh maju setanding sastera dunia jika dasar yang diamalkan mementingkan puak-puak sendiri?

Bagi yang tidak berbakat seperti saya, memang tak kisah. Saya tidak kecil hati. Saya memang tidak berasa kecewa walaupun puisi saya tidak masuk antologi *Aksara Merdeka* tetapi saya malu apabila banyak puisi-puisi di dalamnya tidak bermutu.

NEW STRAITS TIMES

BERITA HARIAN

8 NOV- 2000

اكاديمي سني كبڠسأن

# AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## KURSUS SEPARUH MASA

PENGAMBILAN : JANUARI 2001

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN (ASK)**, sebuah institusi pengajian serta latihan seni yang berwibawa, menawarkan kepada anda yang berminat untuk mendalami dan mempelajari beberapa bidang seni dengan memilih kursus-kursus yang ditawarkan secara separuh masa (2-5 jam seminggu bagi setiap kursus selama 14 minggu).

### KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN:

**PROGRAM MUZIK**
- Gamelan
- Tak Lempong
- Kemahiran Aural

**PROGRAM PENULISAN**
- Penulisan Drama Adaptasi
- Penulisan Drama Bersiri Televisyen
- Penulisan Lakon Layar II

**PROGRAM TEATER**
- Asas Lakonan
- Vokal Untuk Pentas
- Teori Dan Teknik Lakon
- Pengarahan Awalan
- Sejarah Teater Moden
- Teater Dalam Pendidikan
- Lakonan Untuk Filem Dan TV

**PROGRAM TARI**
- Ballet Awalan II
- Tari Moden Awalan II
- Tari Rakyat Malaysia Lanjutan
- Asas Tari Barat
- Tari Klasik Melayu Lanjutan

**PENGURUSAN**
- Prinsip Pengurusan Seni
- Mak Yong II
- Wayang Kulit II
- Bangsawan II

### Anda mestilah mempunyai kelayakan seperti berikut:-

- Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan dua mata pelajaran lain serta lulus Matematik atau Perdagangan atau Prinsip Akaun, atau
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan satu prinsipal dan lulus dalam mata pelajaran Ekonomi, atau
- Sijil Seni Kreatif, Sijil Perguruan atau Diploma dalam bidang-bidang berkaitan dan/atau
- Mempunyai pengalaman atau pengetahuan asas dalam bidang berkaitan

Calon-calon yang layak akan dipanggil untuk temuduga/ujibakat dan dikehendaki membawa alatan muzik mudah bawa (gitar, biola, klarinet, flut, dll.), gambar-gambar atau pita rakaman dalam teater, tari atau contoh penulisan yang telah tersiar dalam akhbar, majalah, jurnal, radio atau televisyen.

Dapatkan borang permohonan daripada :
**PENDAFTAR AKADEMI SENI KEBANGSAAN**
**139, JALAN AMPANG**
**50450 KUALA LUMPUR**
**TEL : 03-2164 9180**
**FAKS : 03-2164 9186**

Dengan mengirim Wang Pos atau Kiriman Wang berharga RM10.00 dibayar atas nama "Akaun Amanah Akademi Seni Kebangsaan" serta sampul surat bersetem RM1.00 beralamat sendiri berukuran 23sm x 32 sm. Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 November 2000**.

10/11/2000 T.Malay Mail.

THE MALAY MAIL

# TEST YOUR THINKING POWER

BUT if you think you are the kind who likes to think, Akademi Seni Kebangsaan's (ASK) next experimental play, entitled ***Cari-Cari***, may be worth your RM10.

You may need to think real hard, though. Failure to do so may lead to you wanting a refund but ASK is not about to give you back your money.

With a gamut of stories and storylines coupled with elements of chaos and confusion, as the audience, you are to try and piece this play out together.

This is the work of the school's theatre lecturer Marlia Musa who figured a way of putting the kids through their examination via a public performance.

On the other hand, let's not bother if this is their examination or not. Let's just try and see if you are intelligent enough to figure out what this experiment is all about.

As each show depends on your reaction as an audience, each show will be different. Add the play of Lady Luck, every performance will display a different scenario.

Confused? Watch this play and think...your conclusion to this experiment will be yours alone. – ***jad mahidin***





**❑ 'Cari-Cari' will be performed at the Experimental Theatre, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Curtain call is at 3pm today, tomorrow and Sunday The only evening show starts at 8.30pm tomorrow. Call 03-21649180 for more information.**

by jad mahidin



# Searching for Directions

**WATCH, Listen and Think.**

These are must-dos when you come to watch Akademi Seni Kebangsaan's (ASK) experimental play **Cari-Cari**.

Directed by ASK theatre lecturer Marlia Musa, the play which began yesterday, will be on at the Experimental Theatre until Sunday.

"This play is not just a mere performance. It is part of the examination for first and second-year students of this school. It will test their capability in all aspects of a production besides experiment with expectations of the audience," she said.

**Cari-Cari** starts with a game show much like what we see on TV.



MARLIA MUSA

acting is good, it does not matter which part comes first. The audience will be able to make up the overall picture anyway.

"But if the acting is bad ...," laughs Marlia, leaving much for you to figure out.

**Cari-Cari**, she said, was first just an idea she was toying with as part of the subject module. Later, it developed into a form of a

(the glamour) is not what we offer. There is a lot of tedious studying that can test one's patience," said Marlia.

There really is no glamour, she stressed, as everyone is just a plain student and each has to work hard as an individual and a team member. Then, on the other hand, the play also shows the 'unfinished' product of a play, something the audience is not normally shown on stage.

"What we usually see is the finished product. For **Cari-Cari**, the audience will be brought to delve into and go through the various process prior to a performance," she said.

Right from the beginning, the audience get to see how students of ASK apply the improvisation

This should be fairly interesting to watch as each actor needs to be spontaneous yet maintain the team work required to make the show a success.

Each actor too, displays his/her own developed character on stage. So do not be fooled if you see them acting as if they are not. But then again one cannot be entirely sure either.

One interesting aspect is that all the actors will be on stage throughout the one-hour show. They will each have to continue to hold on to their characters even during 'commercial break'.

The costumes too may lead to more 'mystery' as each actor was given the freedom to choose their own. The costumes, in turn, may or may not be

## COMMERCIAL BREAKS IN CARI-CARI

THE hour-long **Cari-Cari** will feature four 'commercial breaks'. But do not leave your seats as these breaks comprise two different plays, **Tapoh Manja** and **Julius Caesar.**

Each of these plays are divided into two parts. Each part will be performed as and when a cue card is picked by an audience.

"Somewhere during the game show that is **Cari-Cari**, a member of the audience is required to pick out a cue card. It may say, for example, 'Julius Caesar Part I'. Then that part will be played," said Marlia Musa.

After that, she said, another may be asked to pick out another cue card for the second commercial break. If the card says 'Tapoh Manja Part II', that will be played on stage.

As **Cari-Cari** unfolds, the audience would have seen two plays within one whole show. Therefore, the acting of these students are crucial so as to ensure that the audience truly comprehends the story of both **Tapoh Manja** and **Julius Caesar.**

### Tapoh Manja, the play within a play

BERITA MINGGU

B.M.
12/11/2000

# Kemelut takhta



JERICCA LAI

JASON adalah waris sebenar takhta Iolcus yang dirampas bapa saudaranya, Pelias. Apabila dia cuba menagih haknya, Pelias menghantar Jason ke satu misi yang boleh membawa maut.

Dia harus mendapatkan bulu biri-biri emas dari Colchis yang tidak bertamadun. Lalu, dia membina kapal Argo. Dengan anak kapal yang dianggotai Wira, mereka belayar ke Colchis.

Di Colchis, Jason mendapati bulu biri-biri emas itu diawasi seekor naga bernafas api yang tidak pernah tidur.

Nasibnya baik apabila Puteri Colchis, Medea jatuh cinta dengannya lalu mendapatkan bulu biri-biri emas untuk Jason menggunakan kuasa sihir yang dimilikinya.

Medea dan Jason kemudiannya menaiki kapal kargo dan lari ke Iolcus dengan membawa bersama abang Medea.

Ayahanda Medea memburu mereka dan nyaris menangkap Medea. Sebagai balasan atas perbuatan ayahandanya itu, Medea membunuh dan mencincang abangnya dan mencampakkan ke laut.

Raja Colchis terpaksa berhenti untuk mengumpul mayat anak lelakinya itu. Sementara itu, Jason dan Medea berjaya melepaskan diri dan meneruskan perjalanan ke Iolcus.

Setiba di wilayah itu, mereka mendapati Pelias masih enggan menyerahkan takhta.



ROSMINAH TAHIR

Medea terpaksa menipu puteri Iolcus supaya membunuh ayahanda mereka. Medea mengambil seekor kambing tua, memotongnya kecil-kecil, meletakkannya ke dalam periuk besar dan mengucapkan jampi mentera.

Dari periuk itu, melompat keluar seekor kambing muda. Puteri Pelias yakin mereka boleh mengembalikan semula usia muda ayahanda jika melakukan perkara yang sama.

Dengan tragik, Pelias mati di tangan puteri sendiri kerana tipu helah Medea. Jason dan Medea kemudiannya meninggalkan Iolcus dan belayar menuju ke Corinth.

Kisah Jason dan Medea di Corinth tidak berakhir begitu saja kerana di wilayah ini, Jason kemudiannya mengahwini anak Raja Corinth, Puteri Glauce tanpa pengetahuan Medea.

Bagaimana agaknya perasaan Medea selepas mengetahui suaminya mengkhianati perkahwinan mereka? Kepada Medea, cintanya adalah sekuat rasa bencinya.

Kalau satu ketika dulu, dia membuktikan berani melakukan apa saja untuk menggembirakan Jason, kini dia juga tidak takut untuk membuat Jason derita pula.

**Medea** karya Euripedes arahan Rosminah Tahir dan Roselina Khir akan dipentaskan pada 17 hingga 19 November ini di Panggung Eksperimen (ET), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur bermula jam 8.30 malam.

Ia dijayakan pelajar Akademi Seni Kebangsaan Malaysia. Antaranya Jericca Lai (Medea), Zaini Abu Hassan (Jason), Shariful Akma Abdullah (Raja Corinth), Pauline Santok dan Nor Hazlinda Haramaini (anak Jason dan Medea).

اکادمي سني کبڠسان

# AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

## KURSUS SEPARUH MASA

**PENGAMBILAN : JANUARI 2001**

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN (ASK)**, sebuah institusi pengajian serta latihan seni yang berwibawa, menawarkan kepada anda yang berminat untuk mendalami dan mempelajari beberapa bidang seni dengan memilih kursus-kursus yang ditawarkan secara separuh masa (2-5 jam seminggu bagi setiap kursus selama 14 minggu).

### KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN:

**PROGRAM MUZIK**
- Gamelan
- Tak Lempong
- Kemahiran Aural

**PROGRAM PENULISAN**
- Penulisan Drama Adaptasi
- Penulisan Drama Bersiri Televisyen
- Penulisan Lakon Layar II

**PROGRAM TEATER**
- Asas Lakonan
- Vokal Untuk Pentas
- Teori Dan Teknik Lakon
- Pengarahan Awalan
- Sejarah Teater Moden
- Teater Dalam Pendidikan
- Lakonan Untuk Filem Dan TV

**PROGRAM TARI**
- Ballet Awalan II
- Tari Moden Awalan II
- Tari Rakyat Malaysia Lanjutan
- Asas Tari Barat
- Tari Klasik Melayu Lanjutan

**PENGURUSAN**
- Prinsip Pengurusan Seni
- Mak Yong II
- Wayang Kulit II
- Bangsawan II

MINGGUAN MALAYSIA
12 · NOV · 2000

**Anda mestilah mempunyai kelayakan seperti berikut:-**

- Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan dua mata pelajaran lain serta lulus Matematik atau Perdagangan atau Prinsip Akaun, atau
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dengan satu prinsipal dan lulus dalam mata pelajaran Ekonomi, atau
- Sijil Seni Kreatif, Sijil Perguruan atau Diploma dalam bidang-bidang berkaitan dan/atau
- Mempunyai pengalaman atau pengetahuan asas dalam bidang berkaitan

Calon-calon yang layak akan dipanggil untuk temuduga/ujibakat dan dikehendaki membawa alatan muzik mudah bawa (gitar, biola, klarinet, flut, dll.), gambar-gambar atau pita rakaman dalam teater, tari atau contoh penulisan yang telah tersiar dalam akhbar, majalah, jurnal, radio atau televisyen.

Dapatkan borang permohonan daripada :
**PENDAFTAR AKADEMI SENI KEBANGSAAN**
**139, JALAN AMPANG**
**50450 KUALA LUMPUR**
**TEL : 03-2164 9180**
**FAKS : 03-2164 9186**

Dengan mengirim Wang Pos atau Kiriman Wang berharga RM10.00 dibayar atas nama "Akaun Amanah Akademi Seni Kebangsaan" serta sampul surat bersetem RM1.00 beralamat sendiri berukuran 23sm x 32 sm. Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 November 2000**.

# Plays a test for theatre students



*The cast of 'Cari-Cari' (right) and 'Medea' (below).*



**By YIP YOKE TENG**

TALENTED students of the National Arts Academy are pushing the boundaries of theatre production with two new plays, *Cari-Cari* and *Medea*.

Experimental play *Cari-Cari* is a unique 'play in a play' about theatre students who perform two short shows entitled *Tapoh Manja* and *Julius Ceasar*.

Directed by academy's lecturer, Marlia Musa, the play encourages the audiences' involvement as the actors will invite individual guests to judge how well they answer the questions thrown to them.

The objective of *Cari-Cari* is to describe the learning progress of the academy's theatre students as well as to understand the process and difficulties in producing theatre plays.

The classical theatre play *Medea* is about an Asian woman Medea's ill-fated life that started with her husband betraying their 10-year marriage by marrying the princess of Corinth. She seeks revenge and eventually kill her own daughters.

The academy's director, Dr Hatta Azad Khan said dedicated lecturers of the academy and numerous ex-students contributed towards the production of the two plays.

*Cari-Cari* and *Medea* will be staged at Panggung Eksperimen, Jalan Tun Ismail from Nov 17 to 19.

Tickets are RM5 (students) and RM10 (adults) for both plays.

For details, call 03-264 9180 ext 239.

THE MALAY MAIL



M.M 14/11/2000





# EURIPIDES STAMPEDE

FIRST they staged Shakespeare's Hamlet in Malay with the help of Actors Studio for their school.

Now they think they can pull off doing Euripedes' ***Medea*** in the same language. And they plan to do it by themselves too!

Students from the Akademi Seni Kebangsaan (ASK) are an ambitious lot, aren't they?

"We sat through to re-write the script as the play developed," said co-director Roselina Khir Johari who also came up with the translated version of this three-hour play.

On top of that, added the other director Rosminah Mohd Tahir, they have cut the play wherever necessary and substituted some words to suit the language.

***Medea*** is part of the students' Teater Klasik syllabus, and like every production they undertake, this one is promised to come complete with period costumes and complementary musical arrangements.

Would there be genteel dialogue like that in the much-acclaimed Hamlet which they did?

You bet!

Would it be as interesting?

Catch it and make your own judgement. – ***jad mahidin***

**☐ MEDEA will be on at the Experimental Theatre (ET) at Jalan Tun Ismail, KL, for three days (Friday to Sunday) at 8.30, nightly. One extra (bonus for students) show will be on at 3pm on the last day.**

**Tickets are priced at RM5 for students and RM10 for adults.**

**For more information, call 03-2164 9180.**

UTUSAN MALAYSIA

# DAIRI

15/11/2000

• AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan mementaskan teater, *Medea* arahan Roselina Khir Johari dan Rosminah Mohd. Tahir dari 17 hingga 19 November ini di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur.

Karya Euripedes ini dilakonkan antaranya Jerrica Lai, Amy Haryani Abdul Hamid, Noorfazilah Ameer, Zaini Abu Hassan, Shariful Akma Abdullah, Baharuddin Baharin Ramli dan Mohd. Arifwaran Saharuddin.

Tiket pementasan RM10 dan RM5 (pelajar).

• DEWAN Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur serta Gabungan Penulis Muda Kelantan (Gema) akan mengadakan Malam Apresiasi Puisi Ramadan 2000 di Kota Bharu, Kelantan 18 November ini.

Program sempena Ramadan ini turut disertai dengan seminar sehari serta pembacaan puisi keislaman oleh penyair-penyair dari seluruh negara termasuk Brunei Darussalam dan Thailand.

Sempena majlis itu penganjur akan mengumpulkan puisi-puisi keislaman dalam sebuah antologi dan akan diedarkan kepada peserta. Maklumat lanjut, hubungi talian 09-7472020/ 7475656 atau faks: 09-7475252.

• KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia akan menganjurkan Manifestasi Tunas Budaya Kebangsaan 2000 di Auditorium Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) Selangor, 8 malam, 21 November ini.

• BAHAGIAN Teori dan Kritikan Sastera DBP akan mengadakan majlis diskusi buku *Jati Diri Pasca Asas 50* karya Dr. Anwar Ridhwan besok (Khamis), jam 11 pagi di Sudut Penulis, DBP, Kuala Lumpur.

Panel yang akan membicarakan karya ini ialah Prof. Madya Rahman Shaari dari Jabatan Pengajian Media (UM) dan Hashim Ismail dari Akademi Pengajian Melayu UM. Ia akan dipengerusikan oleh Hizairi Othman dari Universiti Putra Malaysia.

Penyertaan terbuka kepada umum secara percuma. Keterangan lanjut hubungi Zabidah Yahya/Mohd. Fetri Shah di 03-2481011 sambungan 547/538.

• GALERI Tinta akan menganjurkan pameran lukisan kaligrafi Islam solo oleh pelukis Mohd. Din Mohammad di galeri tersebut di Bangsar, Kuala Lumpur, bermula pada Sabtu, 18 November ini.

Pameran selama sebulan ini diadakan sempena bulan Ramadan. Keterangan lanjut hubungi Farha di 012-2078282.

• PAMERAN bersama pelukis Chong Choon Woon dan Kow Leong Kiang akan diadakan di Valentine Willie Fine Art, Kuala Lumpur 15 November hingga 2 Disember ini.

Lebih 30 karya dengan pendekatan abstrak dan realis dalam pelbagai media terutama cat minyak dan akrilik akan dipamerkan.

U.M.

BERITA MINGGU

19/11

# Susah hendak dapatkan berita ASK

BM 19/11

SEJAK kebelakangan ini, beberapa kawan media **Kita Orang** sering merungut susah untuk mendapatkan siaran akhbar mengenai projek teater atau seni persembahan anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Hal itu taklah menghairankan sebab **Kita Orang** tahu sangat dengan mereka. Hai, macam mana ni? Dalam hal ini, **Kita Orang** terpaksa puji pegawai pemasaran dan publisitinya yang lama iaitu Suraya.

Setiap kali dia menghantar siaran akhbar kepada media, dia pasti akan menghubungi kembali media dan bertanya sama ada siaran akhbar itu sudah diterima atau tidak.

Selain itu, Suraya juga memang sentiasa memberi bantuan jika wartawan memerlukan sebarang maklumat tambahan yang ingin diperoleh oleh wartawan itu. Malah kadangkala, Suraya sendiri datang berjumpa dengan wrtawan untuk memberikan siaran akhbar.

Tapi, sayang Suraya kini sudah tidak bersama ASK lagi. Kalau dia ada, pasti ASK tidak akan begini.

Tengok sajalah teater **Cari-Cari** arahan Marlia Musa yang baru-baru ini dipentaskan di ET, Jalan Tun Ismail. Apa jadi? Berapa ramai wartawan yang hadir?

UTUSAN MALAYSIA 25/11

# ASK dokumenkan hasil seni

PELANCARAN dua cakera padat yang memuatkan rakaman teater tradisional 'Tun Perak' dan permainan wayang kulit oleh dalang terkemuka Hamzah Awang Amat menjadi titik sejarah penting dalam perkembangan seni tempatan.

Ini kerana pelancaran kedua-dua cakera padat tersebut membuktikan keprihatinan pelbagai pihak untuk menyimpan dan mendokumenkan beberapa cabang seni dan budaya, terutamanya milik masyarakat Melayu.

Langkah yang dilaksanakan oleh Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ini mempunyai beberapa objektif. Selain mendokumenkan beberapa khazanah seni tempatan, ia juga bertujuan dapat dinikmati bersama oleh masyarakat dalam serta luar negara dalam bentuk yang lebih terkini.

Malah, langkah ini sedikit sebanyak dapat membantu memperkenalkan pelbagai kesenian tradisional seperti wayang kulit, Mak Yong dan sebagainya kepada masyarakat yang lebih luas.

...gram begini dapat mempersiap-...ntuk menangani permasalahan, ...matik serta mempunyai sensiti-...budaya masyarakat," katanya.

...*he Brothers Malay*, Syed Alwi ...naskah karya beliau sendiri iaitu ...*House*, *Member of the Club* dan



SYED ALWI (tengah) bersama pelakon-pelakon teater *I Remember The Rest House*.

Pelakon utama dan pekerja produksi terdiri daripada pelajar ASK. Antara pelakon luar ASK yang turut diundang ialah Zaibo, Deborah Lynn, Alina Tasha, Abdullah Zainol, Megat Saifulbahri dan Datuk

*I Remember the Rest House* mengenai seorang anak muda belasan tahun yang lari dari rumah dan menganggotai Tentera Laut Diraja British di Singapura. Ayahnya mengancam mahu menyaman

dijumpai mati dan busuk di hutan.

Sementara *The Governor's Mansion* mengenai abang sulong yang berkerja dengan kerajaan tahun 50-an di bawah Jepun, British dan akhirnya negara

## Entertainment

# Brothers in arms

Syed Alwi presents a trilogy of three stage productions, each reflective of the life of his brothers

By **Bissme S**
bissme@thesundaily.com

Akademi Seni Kebangsaan is presenting a trilogy of plays in English which focuses on three Malay brothers.

The trilogy consists of three stage productions which span different historical periods – the British and Japanese occupations, the start of the communist rebellion and the modern Malaysia government.

The first story in the trilogy *I Remember...The Rest House* focuses on a teenager who ran away from home to join British Royal Navy in Singapore. The father, an ardent pacifist, threatened to sue the government as the son was under aged.

The British government tracked down the teenager. But before he could return to his family, the Japanese bombed the island. It is not certain whether the teenager died in the explosion or simply went missing.

The play will be staged at Experiment Theatre from Oct 18 to 20. Prior to this, *I Remember... The Rest House* was staged in 1995.

The second story *Member Of the Club* centres on the teenager's brother, who was a civil servant. He took a lift from a motorcyclist from Grik to Kuala Kangsar to attend a pregnancy ceremony of his wife who was bearing their first child.

On the way, the two were kidnapped by the communists. The British government and Malay community clashed over this kidnapping. A rescue party was sent to the jungle to find the victims. Unfortunately, the brother was found dead while his friend has disappeared without a trace.

This story will presented some time early next year. This play was also staged in 1998.

The last story *The Governor's Mansion* is based on the civil servant and teenager's eldest brother who has served the government more than five decades – under the Japanese, British and finally Malaysia.

After his final term, the government decided to honour his service by rebuilding the governor's mansion into a monument and naming it after him.

The subject came under the media scrutiny. The play brings out the confusion and conflict within his immediate family as well as his relationship with his mother and brothers.

This story which has never been staged before will be presented next year. All the stories were written and directed by the esteemed director Syed Alwi Syed Hassan,70. Alwi also recently acted in *Anna and The King* shot in Malaysia.

**Tell us more about your latest productions.**

My brothers' lives had inspired me to write and direct this trilogy which I call *The Malay Brothers Trilogy*. Most parts of the story are true. But naturally I have added a touch of fiction.





**(Clockwise from top left) Syed Alwi ... his brothers' lives inspired him to write and direct the trilogy – Sunpix by Badrul Hisham Molok**

**A scene from *I Remember ... The Rest House* staged in 1995 where well known theatre personality Ahmad Tarmimi Siregar acted.**

**Syed Alwi ... finds inspiration from incidents that surround his life.**

**With Jodie Foster in *The King and I* where he acted as the prime minister of Siam.**

**Syed Alwi... giving pointers to lead actor Muhammad Arif Waran who portrays Saidi in *I Remember ... The Rest House.***

For inspirations, I usually look at the incidents that surround my life. Obviously, my families, friends and relatives often become the focus of my work. I need true life incidents to spark my imagination. I can't create something out of nothing. Besides I think their lives make an interesting story to tell.

All of them have taken the similar road – joining the government during their time but their fate ended differently.

Though the play is a trilogy, each of the stage production can stand on its own. One don't have to catch the first one to understand the other two.

**Losing your two brothers must be traumatic. Do you think writing and staging these incidents are a psychological way to**

much about his running away.

I was too young to comprehend the situation. Till today I still do not know what has happened to him. His body was never found. After the bombing, someone had spotted him. There is a possibility he could be alive. Knowing him, I know he will not return to the family. He is the rebellious type and feels his family is cramping his style.

**What about your second brother who died in the hands of the communist?**

I was 16 when Syed Ali died. He was only 22. He was found on the fourth day after the communist had kidnapped him. He was found at the river bank, half of his body under water. That part of the body was rotting. When you took off his shirt, his skin peeled off. His trousers and

By ZIEMAN

# Trilogy on brothers three

PLAYWRIGHT-director Datuk Syed Alwi Syed Hassan is faced with two challenging tasks at the Akademi Seni Kebangsaan (ASK or National Arts Academy).

His first job is to coach theatre students to do research on Malaysian theatre and the second is to create a "living theatre" at the academy.

To achieve this, Syed Alwi is getting involved in a modern theatre production with ASK students and they will present a trilogy of plays in English as part of their course work.

"We are producing two English plays this year and another next February. We've decided to concentrate on English plays first so that we can stage them outside Malaysia if the opportunity arises. We might go into Malay theatre eventually," explains the scriptwriter, actor and director.

Titled *The Brothers Malay Trilogy*, all three dramas deal with three brothers in a Malay family, each focusing on one brother in a separate historical period – the Japanese Occupation, the start of the Communist rebellion and dawn of a new century.



**Members of the cast engaged in a lively exchange with Syed Alwi (centre).**

The three dramas are called *I Remember ... the Rest House*, *Member of the Club* and *The Governor's Mansion*. The first two plays have been staged before. The third will make its debut.

*I Remember ... the Rest House* will be staged Oct 18 to 20 at the Experimental Theatre. To help boost this production, Syed Alwi has roped in several well-known theatre actors such as comedian Zaibo, Abdullah Zainol, Rahim Razali and Mustapha Kamal.

"It's important to have familiar faces and established names because we want to

When Syed Alwi staged this play a few years ago, it had a different cast. According to him, he would love to retain the same cast for the play if he had his way as "it would save a lot of time" but since most of them, like Ahmad Tarmimi Siregar, are involved in other projects, Syed Alwi is left with no choice.

*I Remember ... the Rest House* is about the teenaged brother who runs away from home to join the British Royal Navy in Singapore a few months before the Japanese invade Malaya and South-East Asia. The father, an ardent pacifist, threatens to sue the government as his son is underaged.

The British Resident manages to get

In the chaos, the naval base is destroyed and the son escapes, never to be heard from again ....

According to Syed Alwi, this story is inspired by a true story which took place a long time ago.

Newcomer Muhammad Arif Waran whom we last saw in *Four Men and a Woman* (co-directed by Krishen Jit and Joe Hasham) will be taking the lead role as Saidi. The 22-year-old student who is majoring in directing has since appeared in *Playground* (produced by Five Arts Centre), *M Butterfly* (an ASK production which he directed) and *Imbas* (directed by Marlia Musa).

Jihat, Brian David Cracknell, Sukaimi, Aundry, Rozila, Zamzuriah, Intan Carina and Nor Hazlinda.

The second play, *Member of the Club*, will be staged from Nov 11 to 14 at the same venue. This one is about the brother in civil service who is in his early 20s. He accepts a lift from a motorcyclist from Grik to Kuala Kangsar to attend a ceremony for his wife and their first born.

On the way, the two are kidnapped by Communists. The latter want the motorcyclist, an ex-Force 136 guerilla fighter who knows where the weapons used during the Japanese regime are buried. The brother is taken along to stop him from talking.

The British Military Administration and a Malay militant group come into confrontation as they both try to get political mileage out of the kidnapping. By the time the confrontation ends and a rescue party is sent into the jungle, the brother is found dead and rotting and the ex-Force 136 fighter has disappeared.

Popular theatre and screen actors Ahmad Tarmimi Siregar and Zaibo will take the lead roles in this play.

As for the third play, *The Governor's Mansion*, which will be staged next February, Syed Alwi says it needs some minor rewriting. "I am re-examining a few things and tightening the script in a few places. The story is more complex so I've decided to simplify it," says Syed Alwi who regards the last drama as the most difficult and trickiest to write.

■ ***Remember ... The Rest House** will be staged from Oct 18 to 20, at 8.30pm, at the Experimental Theatre (Kompleks Budaya Negara), 464 Jalan Tun Ismail, Kuala*

# MENCARI DALAM CARI CARI

## PANGGUNG



abie@nstp.com.my

**Persembahan berbentuk eksperimen ini adalah salah satu produksi teater ASK yang dilangsungkan setiap tahun**

HARIAN METRO

ANDA berminat untuk berteater atau sekadar menonton atau kedua-duanya sekali? Atau anda ingin mengetahui apa yang tersembunyi di sebalik sesebuah pementasan teater?

Atau sekurang-kurangnya berasai sedikit pengalaman berteater? Mungkin di depan pentas, anda akan nampak serba sempurna, tetapi di belakang hanya mereka yang terbabit saha-ja yang tahu.

*Cari Cari* memberi peluang kepada anda untuk mencari jawapannya pada 10 hingga 12 November ini. Persembahan berbentuk eksperimen ini adalah salah satu produksi teater Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang dilangsungkan setiap tahun.

Menurut pengarah *Cari Cari* yang juga pensyarah di ASK, Marlia Musa, terdapat tiga genre teater yang dipelajari di kampus ASK iaitu teater moden, eksperimen dan klasik.

"Saya mengajar teater eksperimen. Jadi secara langsungnya saya terbabit dalam pengarahan ini. *Cari Cari* tidak berdasarkan kepada skrip, sebaliknya berasaskan sebuah permainan 'board game' monopoli atau saidina.

"Melalui persembahan ini, pendokong *Cari Cari* yang dianggotai pelajar ASK akan dinilai menerusi beberapa ujian dan soalan yang akan dikemukakan. Soalan dibuat berdasarkan silibus yang diajar di ASK," katanya.

Marlia juga berkata, persembahan ini juga sebagai rangka promosi Jabatan Teater ASK kepada masyarakat luar yang hadir menonton dan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai produksi ASK.

Dalam permainan *Cari Cari* ini, sembilan pelajar terbabit sebagai pelakon, pengurus pentas, petugas belakang tabir dan sebagainya seperti mana yang diperlukan dalam sebuah pementasan teater.

Sepanjang permainan, kebolehan pelajar dinilai melalui kecekapan mereka menjawab soalan yang telah ditetapkan oleh sekumpulan tenaga pengajar ASK.

Pelajar juga digalakkan membuat improvisasi terhadap apa yang dipelajari.

"Pelajar dinilai untuk kerja-kerja improvisasi mereka kerana permarkahan akan dikira. Mereka harus siapkan diri mereka dengan sebanyak mungkin informasi mengenai ASK.

"Ini kerana mereka tidak tahu apa soalan yang akan dikemukakan nanti. Misalnya soalan berkaitan watak Peran dalam Mak Yong, pelajar perlu mengimprovisasikan teks Mak Yong dan memberi jawapan mengikut cara mereka," katanya.

Menurut isteri kepada komposer terkenal, M Nasir ini, di samping menonton, penonton juga akan merasai satu suasana yang dipanggil 'raw'. Mereka dibawa melihat keadaan sebenar di belakang tabir sebelum dan selepas persembahan termasuk ke bilik persalinan dan bilik solekan.

"Sesetengah audien yang mempunyai minat dalam teater akan dapat mengetahui kaedah pembelajaran di ASK. Secara tidak langsung, boleh menambah minat mereka ke bidang ini.

"Kami mahu audien tahu apa sebenarnya berlaku dalam sesebuah pementasan teater kerana kadang-kadang ada yang 'tertipu' dengan apa yang ada di atas pentas.

"Selalunya kita memberi yang 'bersih' atau finished product tetapi Cari Cari memberi peluang untuk mencari apa yang mereka mahu," katanya.

Menurut Marlia, idea menggunakan monopoli sebagai asas pergerakan persembahan ini datang secara kolektif selepas perbincangannya dengan pelajar terbabit.

Malah pemilihan monopoli juga mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian manusia yang memerlukan harta, wang ringgit serta perjalanan hidup yang sentiasa dihujani kesilapan.

"Begitu juga dengan permainan monopoli yang memerlukan 'wang' untuk membeli hartanah, kereta dan sebagainya. Juga tidak lari dari masalah seperti kesilapan yang boleh membawa kita ke penjara," katanya yang sedang giat melatih 'anak buahnya' sebelum tiba hari pementasan nanti.

**CARI CARI dipentaskan di Panggung Eksperimen (ET), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Pada 10 dan 12 November pementasan diadakan secara matinee, jam 3 petang, manakala 11 November bermula jam 8.30 malam. Tiket-tiket berharga RM5 (pelajar) dan RM10 dijual di pintu masuk ET.**

## Entertainment



# Reliving the traditional dances

By **Sharifah Hamzah**
sharifah@thesundaily.com

Akademi Seni Kebangsaan's (ASK) first attempt at sharing the dances taught at the academy and performed by its own students proved to be a resounding success.

Its recent presentation *Dari Mengadap Rebab KeModen* grew out of a wish shared by Joseph Gonzales, head of dance at ASK and the students to pay tribute to the late "lady of Makyong" Khatijah Awang who passed away recently.

Khatijah also taught the traditional theatre at the academy. Gonzales says that anyone who had met Khatijah remembers her passion for Makyong.

"In Makyong terminology, she called it *angin* or an almost consuming love that every dancer needs to succeed. And we hope that our students have imbued this passion that Khatijah exemplified.

"At first, the students were hesitant about performing in public. They were unsure whether they were ready or not. But I told them that they just had to go out there and do it, and the rest would come naturally."

Whatever first-night jitters they had, it hardly showed and the audience was rewarded with an enjoyable night of dance at the Actors Studio Box.



**(Top) *Mengadab Rebab* ... Baharudin (right) learnt the art of Makyong from the late Khatijah. – Sunpix by Sazali Che Din.**

**(Above) The *zapin tenglu* ... by Azizi (right) and Aris.**

In line with the tribute to the late Khatijah, the audience was first shown a short recording of one of her Makyong performances. This was followed by *Mengadap Rebab* (the opening dance of any Makyong performance) presented by two students. This dance originates from Kelantan and has strong Thai influence.

One of the performers Baharudin Bahrin Ramli was a student of Khatijah. He recalls that Khatijah was generous in sharing her knowledge. "She liked it when a student showed the initiative to learn beyond what was taught in class. If you did that, she was even happier to share her wealth of experiences."

Bahrudin spent four years studying Makyong at ASK, and now continues his studies under the guidance of Khatijah's daughter. He wants to learn all aspects of Makyong and is determined to be one of the young generation of performers playing a part in keep



# DULU BERPONDOK KINI BERISTANA

## Profesional teater adalah mereka yang tahu 100% mengenai teater yang pelbagai kepakaran seperti pengarahan, pereka pentas dan pereka kostum

DUNIA teater tanah air makin menampakkan sinarnya. Satu demi satu melangkah ke pentas, tidak kira pentas besar atau pentas sempit. Khalayaknya makin hari makin ramai tetapi tidak tahu pula nawaitu sebenar mereka menonton teater. Mungkin nak tahu isi teater atau mungkin juga tengok artis pujaan dengan lebih dekat.

Ketua Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Rosminah Tahir, mempunyai pendapatnya sendiri mengenai perkembangan teater Melayu dewasa ini. Selain bertugas di ASK, Rosminah juga popular dengan pentas arahannya, *Lantai T Pinkie, Cucu, Anugerah* dan banyak lagi.

Baru-baru ini, **Abie Abdullah** ke pejabatnya di Jalan Ampang, untuk bertanyakan khabar mengenai teater Melayu.

**Boleh ceritakan sedikit mengenai perkembangan teater kita?**

Perkembangannya sangat menakjubkan jika kita perhatikan dari segi kuantiti. Tetapi dari segi kualiti, pada pandangan saya, ia belum boleh dibanggakan dalam erti kata semuanya. Sesetengahnya boleh diangkat kerana perkembangan ini memandang RM juga.

Kalau dulu, RM kurang tetapi berjaya dari kualitinya. Sekarang, RM banyak tetapi kurang dari mutunya, macam disia-siakan duit itu. Mungkin barang mahal, upah orang. Daya ada upaya tak ada. Biarpun banyak duit, tapi kalau teater teruk, ia tak ke mana.

Pada pendapat saya, ia mungkin pada aktivis yang prolifik iaitu yang tidak berhenti menghasilkan karya tetapi tidak mahu belajar dengan melihat teater orang secara ilmu dan yang boleh memberi pendidikan kepada mereka. keduanya, tidak mahu meluaskan ilmu di dada sendiri yang sesuai dengan teknologi hari ini, yang sesuai dengan tempat pementasan.

Kalau dulu berpondok-pondok buat teater, sekarang sudah beristana.

Jadi bagaimana kita memindahkannya. Macam pekan teater, saya lihat kelemahan mereka memindahkan ruang lati-



Seperti juga profesion seorang guru, perguruan adalah profesionalnya. Ada atau tidak orang yang makan gaji, hidupnya berdasarkan teater?

Sepanjang yang saya tahu, ada tetapi tidak mengira bulan sebaliknya mengira projek.

Maksud saya, dia tidak bekerja 100% setiap bulan untuk teater, kalau ada projek, dia buat kalau tidak.... adakah itu profesional?

Namun ada juga profesional yang bekerja dalam bidang lain tetapi pakar dalam teater (yang mempunyai pelbagai bidang seperti pengarahan, kostum dan sebagainya).

Profesional teater adalah mereka yang tahu 100% mengenai teater. Contohnya di ASK, dia mungkin bukan pengamal tetapi dia ahli akademik dalam teater.

**Adakah kita masih perlu artis popular sebagai penarik peminat menonton teater?**

Masih perlu tetapi tidak seperti dulu, Formula itu boleh dipakai (sejak Drama Sebabak dimulakan pada awal 90-an yang diperkenakan oleh Panggung Negara). Drama Sebabak dilakukan secara ringkas dan berseronok ketika di pentas, itu formula dengan mengundang orang yang boleh ta-

kadang terpulang kepada penaja atau penganjur yang minta.

Macam dalam arahan saya, ramai membabitkan artis popular tetapi bukan salah saya kerana saya sudah diberi oleh penaja. Bagaimanapun kami menapis (selepas diberi skrip) senarai pelakon yang dipilih.

Saya baca skrip dan akan tentukan kesesuaian watak dengan artis dalam senarai itu. Kalau tidak sesuai denga artis pertama, saya akan ke pilihan kedua, begitulah seterusnya.

Saya akan menimbangkan antara pelakon popular dengan pelakon teater dan juga tunas baru yang boleh berlakon. Saya juga bekerja dengan mereka yang tidak boleh berlakon kerana cara saya bekerja berbeza pendekatan.

Kalau dengan profesional artis, saya anggap dia tidak perlu diajar berlakon, hanya berlatih dan berbincang bersama. Kalau mereka yang tidak tahu tetapi *crowd puller*, dia memang boleh diajar tetapi kalau orang teater yang saya ambil tidak boleh berlakon, saya tidak akan bekerja dengan mereka lagi selepas itu.

Penggunaan artis popular memang membantu tetapi bukan bantuan sematamata kerana dia, perlu juga diambil kira bakatnya. Misalnya Siti Nurhaliza, memang dia crowd puller tetapi dia tidak akan memberi makna kepada teater saya jika penonton yang datang bukan nak tengok teater tetapi nak tengok dia.

Bagi saya, kalau keadaan macam itu, tidak perlu diletakkan dalam teater. Namun kita boleh mengundang dia dalam teater sebagai dia sendiri. Lainlah kalau saya ambil Sofea Jane sebab dia memang boleh

HARIAN METRO



# TEATER KITA TIADA IDENTITI

**SAMBUNGAN SEMALAM**

DALAM temubual bersama **Bintang Harian Metro** semalam, Ketua Program Teater Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Rosminah Tahir memperkatakan mengenai perkembangan teater tanah air, profesionalisme dalam teater dan peranan artis popular dalam teater.

Hari ini, beliau menjawab beberapa lagi soalan yang menjadi tanda tanya **ABIE ABDULLAH**. Ikuti apa kata anak kelahiran Muar, Johor ini.

**Kalau Jepun boleh berbangga dengan Kabuki atau Noh, di manakah identiti teater kita - wayang kulit, mak yong atau kuda kepang?**

Saya rasa lagi banyak bentuk, kita lagi kaya dan jika tidak dipertahankan ia akan hilang. Kita tanya balik pada penaja, jika kita tidak mewujudkan teater moden atau tradisional, boleh tak mereka ganti dengan benda lain. Mungkin boleh!

Atau kita padamkan saja dari kamus persembahan teater Malaysia? Jawapannya boleh tetapi budaya kita akan terkubur dan kita tak akan tahu akar umbi kita, siapa

yong itu berkembang.

Saya mencadangkan, kita ambil warisan yang ada dan jadikan anak angkat atau warisan angkat, bagi tempoh sepuluh atau 20 tahun dan dalam tempoh itu, dia harus melahirkan pengganti.

Bukan anaknya tetapi muridnya dengan bentuk yang dia ada. Contohnya mak yong Khatijah, Mak Neng, Mek Nab dan sebagainya diangkat oleh intitusi seperti Universiti Malaya, Istana Budaya atau ASK.

Pastikan Mek Nab melahirkan kumpulan Mek Nab kedua, ketiga. Dari sini boleh wujudkan yang lebih besar dan mungkin Kementerian Kebudayaan atau ASK boleh melahirkan mak yong itu mengikut apa yang mereka mahu.

Sebenarnya kita dah buat, tetapi masih belum berhasil. Kita ada panel

yang mahu kekal dan yang ... dan pengamal yang profe-



SERIUS ...buah tangan terbaru Rosminah bersama pelajar ASK.

## "Saya rasa lagi banyak bentuk, kita lagi kaya dan jika tidak dipertahankan ia akan hilang" - Rosminah

# ASK ajak khalayak dekati teater

**Oleh Akmal Abdullah**

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) cuba mengajak lebih ramai peminat teater untuk mendalami dan menghayati seni pementasan itu menerusi produksi dua teater terbarunya, *Cari-Cari* dan *Medea* yang akan dipersembahkan sepanjang bulan ini.

Ia sebagai usaha menarik lebih ramai khalayak untuk mengenali dunia teater dalam lingkungan pelbagai genre, termasuk bentuk tradisional, realisme, kontemporari, moden dan klasikal.

Dalam kata lain, ASK kini bersungguh-sungguh mengangkat kebolehan pelajarnya dengan mendedahkan bakat kreatif mereka menerusi persembahan secara komersial, sekali gus membentuk imej praprofesional dalam kancah teater tanah air.

Pengarah ASK, Dr Hatta Azad Khan, berkata pembelajaran teater di ASK memperlengkap proses genre teater daripada tradisional hingga eksperimental, sekali gus membuka banyak peluang untuk latihan.

"Kita beruntung kerana teater di ASK berhasil mengumpul penggiat teater yang bukan saja mengajar tetapi membimbing secara praktikal berdasarkan pengalaman seperti Datuk Syed Alwi, Rohani Yousoff, Roselina Khir Johari, Marlia Musa dan Rosminah Tahir.

"Ini mendedahkan banyak pengalaman kepada pelajar di sini menerusi pengalaman orang yang lebih tua daripada mereka serta *senior* ASK yang sudah turun ke gelang-



DR HATTA AZAD KHAN

han dan rekaan set.

"Teater di ASK mencakupi bidang yang luas iaitu dalam pelbagai genre, bukan sekadar realisme tetapi termasuk klasikal yang pernah dipentaskan seperti *Tragedi Greek, Shakespeare* dan *Medea*.

"Kencenderungan kita bukan sekadar mengangkat drama pentas Melayu moden tetapi tradisional termasuk makyung dan bangsawan untuk dipentaskan awal tahun depan.

"Oleh itu, pementasan *Cari-Cari* dan *Medea* memperlengkap proses genre teater dari tradisional hingga eksperimental. Kita berharap peminat di Lembah Klang serta di

teater ini," katanya pada sidang media dua teater itu di ASK, Kuala Lumpur, Selasa lalu.

*Cari-Cari* arahan Marlia Musa akan dipentaskan pada 10 hingga12 November ini, di Panggung Eksperimen (ET), Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Pementasan bermula jam 3 petang, manakala pada 11 November diadakan persembahan tambahan bermula jam 8.30 malam.

Bagi pementasan *Medea* arahan Rosminah Tahir yang diambil daripada karya Euripides, ia diadakan pada 17 hingga 19 November, di tempat yang sama. Bagi dua pementasan, tiket dijual RM10 (dewasa) dan RM5 (kanak-kanak).

Sementara itu Marlia berkata, *Cari-Cari* adalah teater eksperimental berkonsepkan permainan interaktif yang menguji kepantasan pelakon mempamerkan lakonan dalam teater tradisonal dan moden.

Bersama corak permainan dengan pelakonnya berkomunikasi dengan penonton, ia membabitkan tiga peserta, cara cabutan sampul yang dilakukan penonton, membaling buah dadu dan menjawab soalan akademik serta improvisasi.

"Ia adalah satu cara untuk memperkenal jenis teater yang mampu memperkenal kursus teater di ASK. Ini idea saya dan kami berbincang untuk memperkenal pelbagai bentuk teater. Sebenarnya, ia satu persembahan yang 'tidak bersih'.

"Persembahan berlangsung selama sejam dan penonton akan dapat memahami mak-



**SATU** adegan dalam teater *Cari-Cari* arahan Marlia Musa yang dipentaskan hari ini. – Gambar oleh Zaha

produksinya hingga kepada pengarah.

"Ia turut diselang-seli dengan tiga persembahan sampingan iaitu *Tapoh Manja, Julius Caesar* dan *M Butterfly*," katanya.

*Cari-Cari* dijayakan sepenuhnya pelajar ASK seperti Mohd Hady Tahir, Abdul Sham Razak, Mohd Rosli Taib, Jabat

Harzuni Ali, Hafiz Hussin dan Sariza Samsuddin.

Rosminah berkata, teater klasik *Medea* adalah daripada karya Greek yang buat pertama kali dipentaskan di negara ini.

"Sebelumnya, karya ini pernah dipentaskan daripada produksi luar negara pada 1990

nya. Cerita dan skripnya diolah ke bahasa Melayu dan dibuat sedikit pindaan bagi perkara sensitif.

"Bagaimanapun, kita tidak tahu karya tulennya dari Greek sebab adaptasi dilakukan daripada karya dalam bahasa Inggeris. Persembahannya selama 1 jam 45 minit. Teater

feminisme," yang bekerj Roselina untu rahan.

Pelakon ya *Medea* ialah J Haryani Abdu fazilah Ame Hassan, Shari lah, Baharudd

HARIAN METRO





JULIUS CEASAR ...Wan Kenari (kiri) dalam acara selingan pementasan Cari Cari.

# TIGA PELAKON BERENTAP UNTUK CARI CARI



Oleh Abie Abdullah

## Penonton akan dibawa menyelami dan melalui proses perjalanan sebelum persembahan

CARI CARI yang menemui khalayak teater sejak semalam (10 November) di Panggung Eksperimen (ET) mengajak penonton

# A homespun Medea

by jad mahidin



pix: zaharin hayon and ASK

CAST AND CREW: ASK Students to stage *Medea*

**THE Bard's play Hamlet, performed in Malay by students of Akademi Seni Kebangsaan (ASK), was a huge success when it was staged by Actors Studio in**



words here and there but the adaptation is very minimal. For example, the name Zeus has been changed to 'God'.

"We have also shortened the story where possible," said Rosminah, adding that special costumes have been made for the play.

The music played on synthesiser and flute.

**Medea** is Amy's second

## ASK'S VERSION OF MEDEA

JASON and **Medea** live happily for 10 years with their two sons in Corinth, under the protection of the heirless King Creon, who offers his

# *Medea*

## ...lanjutan unsur feminisme

Oleh SITI ROHAYAH ATTAN

SEORANG isteri bernama Medea melahirkan dua anak lelaki untuk suaminya, menyerahkan segala cinta dan seluruh hidup kepada lelaki yang dicintainya lebih satu dekad. Namun, lelaki itu mengkhianatinya, meninggalkannya serta berkahwin dengan perempuan lain semata-mata untuk pangkat dan harta.

Siapa yang bersalah jika Medea mengambil keputusan cuba membunuh perempuan yang merampas kasihnya, kemudian membunuh darah daging sendiri?

Inilah yang ditafsirkan oleh pengarah teater *Medea* Rosminah Tahir dan Roselina Khir Johari sebagai 'kebencian sehangat cintanya'?

Ayat ini ditafsirkan bahawa perempuan boleh menyintai dan menyayangi seorang lelaki sepenuh jiwa dan hidupnya. Namun, jika kasih sayangnya dikhianati, dendam itu juga sehebat cintanya.

*Medea* karya Euripedes mengupas isu ini. Secara langsung karya yang terlahir sejak ratus tahun lalu masih relevan hingga zaman perdana ini. Isu diskriminasi, eksploitasi, ketidakjujuran dan pengkhianatan terhadap kasih sayang wanita masih berterusan.

Bertambah menarik teater ini ditangani oleh dua pengarah wanita dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Mereka tentu dapat mentafsir naskhah ini dengan lebih baik tanpa sebarang prejudis. Ia adalah lanjutan pementasan yang boleh dianggap bersifat feminisme.

Naskhah ini mengisahkan tentang Jason dan Medea yang hidup bersama selama 10 tahun dan dikurniakan dua anak lelaki. Mereka telah diberi perlindungan di Corinth. Dalam masa yang sama raja Corinth, Creon yang tidak mempunyai waris lelaki sedang mencari pasangan untuk puterinya, Glauce.

Creon menawarkan Jason takhta diraja sekiranya setuju mengahwini Glauce. Oleh kerana Medea adalah orang asing (dari Asia), maka perkahwinannya dengan Jason tidak diiktiraf di Greek dan anak-anaknya dianggap sebagai anak luar nikah. Dari segi undang-undang tidak ada halangan bagi Jason meninggalkan Medea untuk berkahwin dengan Glauce.

Alasan inilah yang mendorong Jason bersetuju berkahwin dengan Glauce tanpa memberitahu Medea. Medea yang mendapat tahu Jason mengkhianati perkahwinan mereka merasa malu dan putus asa. Dia marah dan dendam serta merancang membalas dendam.

Dia menghadiahkan baju beracun yang menyebabkan kematian Glauce di hari perkahwinan mereka. Sebagai kemuncak pembalasan dendam, Medea mengambil keputusan membunuh anak-anaknya sendiri.

Teater ini dilakonkan oleh pelajar ASK iaitu Jerrica Lai (Medea), Amy Haryani Abd. Hamid (Pengasuh), Noofazilah Ameer (Guru), Zaini Abu Bakar (Jason), Saiful Akma Abdullah (Raja Creon), Baharuddin Baharin Ramli (Aegus) dan Mohd. Arifwaran Shahruddin (penyampai).

Ia dipentaskan dari 17 hingga 19 November di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur. Tiket RM10 dan RM5 (pelajar). Keterangan lanjut hubungi ASK 03-21649180.



ANTARA pelakon yang menjayakan teater *Medea* di Panggung Eksperimen dari 17 hingga 19 November ini.

# MEDEA KISAH DERITA WANITA

Oleh Abie Abdullah

DENDAM seorang wanita dalam kelembutan akan membuak jika hatinya diguris dan dirinya dibuang oleh orang tersayang yang bernama suami. Ini adalah intipati teater berjudul Medea arahan Roselina Khir Johari dan Rosminah Tahir di Panggung Eksperimen, minggu lalu.

Medea sanggup membunuh kedua-dua anaknya, gara-gara terlalu kecewa dengan tindakan suaminya, Jason, mengkhianati perkahwinan yang dibina selama 10 tahun.

Karya klasik tulisan Euridipes ini menjadi pilihan pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) kerana mempunyai elemen teaterikal yang tinggi, demi faedah ilmu pembelajaran dan sebagai rujukan.

Namun, bukan dendam itu yang mahu diungkit di sini, sebaliknya hasil yang dipertontonkan pelajar itu yang makin menampakkan kematangan beraksi. Penulis difahamkan pelakon diberi kebebasan untuk menukar perkataan dan gerak mereka mengikut kesesuaian dan keselesaan penggunaan ruang pentas.

Malah, pengarahan masih cuba mengekalkan bentuk asal persembahan Greek dengan elemen-elemen kekaguman seperti korus, koreografi, pergerakan, muzik dan kesan teaterikal untuk memberi kesan dan empati kepada



MENARIK...pengasuh dan guru bersama dua orang anak.

## Medea sanggup membunuh kedua-dua anaknya, gara-gara terlalu kecewa dengan tindakan suaminya

klasik Greek di situ. Selain material yang digunakan, tiada motif, biarpun sedikit, untuk memperlihatkan unsur Greek. Malah ditambah dengan brooch mengerlip.

Di mana hilangnya sepatu Medea? Walhal dia adalah isteri kepada Jason, sedangkan watak-watak lain berlapik kakinya. Bercakap mengenai alas kaki ini juga, sandal yang digunakan tidak memberi impak kepada visual Greek

jaya menimbulkan unsur estetika pementasan klasik itu. Mengikut kesesuaian zaman Greek, warna tanah seperti coklat cerah dan warna batu digunakan untuk tidak menenggelamkan pelakon.

Selain Jerrica dan Baharuddin, pelajar yang turut menjayakan Medea ialah Zaini Abu Hassan (Jason), Shariful Akma Abdullah (Creon), Arifwaran





MEDEA: the play is a success in many ways

# A MALAY MEDEA

by jad mahidin

pix: mustaffa kamal

**THE Greek classic play, Medea, staged by the Akademi Seni Kebangsaan (ASK) at the**

be heard better. As it was, the chorus sometimes became more of a distraction.

Co-director Rosminah Mohd Tahir



from the audience. Indeed he seemed stiff and his words were not totally comprehensible.

**Medea**, as

wants to kill her two sons to get back at Jason for humiliating their union.

Luckily for her, her friend Aegus came visiting from Athens just in the midst of it all. He offered her refuge in his homeland, and Medea uses this

METRO AHAD : 6 OGOS 2000

# Gendang, serunai sahabat Kamarul

**PROFIL**

**NAMA:** Mohd Kamarulbahri Hussin
**TARIKH LAHIR:** 22 April 1978
**TEMPAT LAHIR:** Pasir Mas, Kelantan
**PENDIDIKAN:** Sekolah Menengah Meranti, Pasir Mas Kelantan; Tahun akhir jurusan muzik di Akademi Seni Kebangsaan (ASK)
**KERJAYA:** Pemuzik (tradisional) bebas dan pengajar persembahan kebudayaan.

Oleh TUAN ASRI TUAN HUSSEIN

JIKA tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya dan hanya jauhari yang kenal manikam. Dua pepatah itu adalah ungkapan paling sesuai untuk menggambar keistimewaan yang dimiliki Mohd Kamarulbahri Hussin.

Ketika anak muda lain seusianya ghairah dengan muzik moden seperti rock, pop, rap dan jazz, Kamarul memilih jalan sebaliknya dengan memiliki minat mendalam terhadap muzik tradisional.

"Jika kita sendiri tidak minat dengan muzik tradisi kita, siapa lagi?" kata anak muda berusia 22 tahun yang berasal dari Pasir Mas Kelantan itu.

Berbanding usianya, Kamarul nyata lebih matang berbanding usianya, terutama dalam membicarakan landasan kerjaya yang dipilihnya.

Di kalangan penggiat seni tradisional tanah air, nama Kamarul begitu dikenali sebagai seorang pemain alat muzik tradisional terutama gendang selain alat tiupan.

### Tak menang tangan

Status pelajar, sama sekali tidak menghalang penuntut tahun akhir Akademi Seni Kebangsaan (ASK) itu mengembangkan kebolehan yang ada dengan melakukan pelbagai aktiviti lain yang berkaitan.

Antaranya ialah mengajar kebudayaan seperti dikir barat dan boria di sekolah serta syarikat swasta, selain mengiringi persembahan artis ternama di dalam dan luar negara.

"Saya bukan nak meninggi diri tapi terus terang kadangkala saya tak menang tangan melayan permintaan dan jemputan daripada orang yang ingin mendapatkan khidmat saya," katanya.

Antara alat muzik tradisional yang dikuasai Kamarul ialah pelbagai jenis gendang, rebana dan percussion, alat tiupan seperti serunai dan seruling serta rebab.

Menurutnya, muzik tradisional Melayu sebenarnya ada banyak keistimewaan tapi tidak ramai yang menyedarinya dan menganggap ia tidak sesuai lagi pada zaman moden ini.

"Pendapat itu sama sekali tidak benar. Kalau kita mendekati muzik tradisional kita, barulah kita sedar yang ia tetap relevan dengan arus muzik kontemporari pada masa ini," katanya.

Menurutnya, lagu berentak irama Malaysia dan "world music" yang semakin mendapat tempat di kalangan penggemar muzik hari ini, adalah contoh gtarikan alat muzik tradisional .

"Saya baru selesai menjalani proses rakaman untuk album instrumental seorang pakar percussion iaitu Steve Thornton yang akan dipasarkan tidak lama lagi.

"Saya dijemput sebagai salah seorang muzik undangan untuk lima lagu. Ia satu pengalaman yang menarik bagi saya dan saya yakin album itu akan mendapat sambutan apabila dipasarkan kelak," katanya.

### Persembahan teater

Selain itu, antara pengalaman menarik Kamarul sebelum ini ialah mengiringi konsert Siti Nurhaliza, Zainal Abidin dan menyertai beberapa festival muzik di luar negara, antaranya di Hong Kong, Filipina, dan Singapura.

"Saya juga sering terbabit sebagai pengarah muzik untuk persembahan teater, antaranya Penyerahan Puteri, Gelanggang Tok Wali dan menjadi pemuzik latar untuk pementasan Mak Yong, Raja Bongsu Saktti," katanya.

Selain itu, Kamarul menubuhkan kumpulan muzik sendiri kerana sebenarnya dia bermatlamat untuk mengetengahkan muzik tradisional untuk membolehkannya turut bersaing dengan muzik moden.